PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEEMPAT 2010

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan 4.8% pada suku keempat 2010

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.8% pada suku keempat 2010. Perbelanjaan sektor swasta dan awam yang lebih tinggi telah menyumbang kepada pengembangan permintaan dalam negeri. Namun, pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan telah mengakibatkan pertumbuhan permintaan luar negeri yang lebih lemah. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi, kecuali sektor komoditi utama, terus berkembang pada suku keempat. Bagi tahun 2010 secara keseluruhan, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan 7.2% (2009:-1.7%).

Permintaan dalam negeri meningkat lebih kukuh sebanyak 5.7% pada suku keempat (S3 10: 5%) disebabkan terutamanya oleh pengembangan yang ketara dalam penggunaan swasta dan perbelanjaan modal. Penggunaan swasta meningkat sebanyak 6.5% (S3 10: 7.1%), disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, keyakinan pengguna yang positif dan tahap pendapatan yang lebih tinggi. Sebaliknya, penggunaan awam merosot sebanyak 0.3% (S3 10: -10.2%), disebabkan oleh perbelanjaan atas bekalan dan perkhidmatan yang lebih rendah. Pembentukan modal tetap kasar meningkat sebanyak 9.2% (S3 10: 9.8%) didorong oleh perbelanjaan modal awam dan swasta. Perbelanjaan modal sektor swasta dipacu oleh pengembangan dalam pengeluaran industri berorientasikan dalam negeri dalam keadaan tahap penggunaan kapasiti yang tinggi. Pelaburan modal sektor awam meningkat berikutan perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi, terutamanya dalam sektor pendidikan dan pengangkutan.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi, kecuali sektor komoditi utama, terus mencatat pertumbuhan pada suku keempat. Pertumbuhan sektor perkhidmatan lebih tinggi pada 6.2% (S3 10: 5.4%) dengan pengembangan dalam semua subsektor, terutamanya hasil sokongan aktiviti ekonomi dalam negeri. Sektor pembinaan juga berkembang dengan lebih pesat pada 5.6% (S3 10: 2.8%) mencerminkan pengembangan dalam subsektor bukan kediaman dan kejuruteraan awam. Sektor perkilangan pula berkembang pada kadar lebih sederhana sebanyak 6.2% (S3 10: 7.5%) sebahagian besarnya disebabkan oleh permintaan luar negeri yang lebih lemah. Sebaliknya, sektor pertanian mencatat penguncupan sebanyak 4.3% (S3 10: 2.7%) berikutan pengeluaran minyak sawit yang lebih rendah. Sektor perlombongan merosot lagi (-1.3%; S3 10: -1%) disebabkan oleh kemerosotan dalam pengeluaran minyak mentah.

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur melalui perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat sebanyak 2% pada asas tahunan pada suku keempat (S3 10: 1.9%). Kenaikan inflasi disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga *makanan dan minuman tanpa alkohol* sebanyak 2.9%, dan *pengangkutan* (S4 10: 2.5%; S3 10: 2.1%), mencerminkan pemansuhan seterusnya terhadap subsidi bahan api oleh Kerajaan yang menyebabkan pelarasan kenaikan sebanyak 5 sen/liter terhadap harga petrol RON95 dan diesel.

Dalam sektor luaran, lebihan perdagangan meningkat kepada RM25.5 bilion pada suku keempat (S3 10: RM22.3 bilion). Eksport dan import kasar naik pada kadar yang lebih sederhana, masing-masing pada 3.7% dan 10.1% (S3 10: masing-masing 10.4% dan 16.5%), sejajar dengan penyederhanaan dalam ekonomi global. Pertumbuhan eksport yang lebih perlahan ini disebabkan terutamanya oleh eksport keluaran perkilangan yang lebih rendah ekoran permintaan global terhadap elektronik yang semakin lembap. Sementara itu, pertumbuhan import kasar yang lebih sederhana mencerminkan terutamanya import barangan pengantara yang lebih rendah, manakala import barangan modal dan penggunaan adalah mapan berikutan permintaan dalam negeri yang semakin kukuh.

Pada asas tunai, aliran masuk pelaburan langsung asing (foreign direct Investment, FDI)* kasar adalah lebih tinggi pada RM11.8 bilion pada suku keempat (S3 10: +RM8.5 bilion). Ini mencerminkan terutamanya aliran masuk modal ekuiti yang lebih besar. Selepas pelarasan bagi aliran keluar kasar yang disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman antara syarikat, FDI bersih meningkat kepada RM8.3 bilion (S3 10: +RM4.4 bilion). FDI disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan perlombongan. Pelaburan dalam sektor perkhidmatan dibuat terutamanya oleh syarikat dalam subsektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan, serta subsektor perdagangan borong dan runcit. Dalam sektor perkilangan, FDI disalurkan ke dalam industri elektrik dan elektronik, serta industri berkaitan petroleum. Pelaburan langsung luar negeri (DIA)* oleh syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM3.2 bilion pada suku keempat (S3 10: -RM5.4 bilion) disebabkan oleh penurunan dalam pemberian pinjaman bersih antara syarikat kepada syarikat subsidiari di luar negeri. Pelaburan tersebut dibuat oleh sektor perkhidmatan, khususnya dalam subsektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan, dan subsektor perdagangan borong dan runcit. Pelaburan yang besar juga dicatat dalam sektor minyak dan gas, serta pertanian. Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih yang lebih kecil sebanyak RM2.8 bilion pada suku keempat (S3 10: +RM9.8 bilion), disebabkan sebahagiannya oleh penjualan bersih sekuriti hutang asing pada bulan November berikutan tindak balas pelabur terhadap kebimbangan mengenai hutang kerajaan di kawasan euro. Namun, pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang stabil terus menarik masuk dana asing ke dalam pasaran ekuiti dan bon domestik.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM328.6 bilion (bersamaan dengan USD106.5 bilion) pada 31 Disember 2010. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perolehan daripada penilaian semula pertukaran asing, berikutan pengukuhan kebanyakan mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku keempat. Pada 31 Januari 2011, kedudukan rizab berjumlah RM333.5 bilion (bersamaan dengan USD108.1 bilion), memadai untuk membiayai 8.7 bulan import tertahan dan ialah 4.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari menyokong aktiviti ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kekal tidak berubah pada 2.75% pada suku keempat 2010 dan juga pada mesyuarat MPC pada 27 Januari 2011. Pada kadar semasa, OPR kekal akomodatif dan adalah wajar dan konsisten dengan penilaian prospek pertumbuhan dan inflasi.

Mencerminkan kadar OPR yang tidak berubah, kadar antara bank semalaman purata terus stabil. Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman purata turun

* Statistik bagi FDI dan DIA pada asas tunai tidak termasuk perolehan tertahan.

sedikit berikutan pemberian satu pinjaman mata wang asing pada kadar pinjaman yang lebih rendah oleh sebuah institusi perbankan asing. Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata juga tidak berubah.

Keadaan pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi. Permintaan terhadap pembiayaan daripada sektor awam dan swasta telah disokong oleh akses kepada pembiayaan yang berterusan, kos peminjaman yang agak rendah dan mudah tunai dalam sistem kewangan yang lebih daripada mencukupi. Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM220.9 bilion pada suku keempat (S3 10: RM189.4 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 11.4% pada akhir bulan Disember (S3 10: 10.9%). Penunjuk pinjaman utama terus kukuh pada suku keempat.

Dana bersih yang diperoleh sektor awam dan swasta dalam pasaran modal berjumlah RM30.5 bilion (S3 10: RM16.8 bilion). Dalam sektor swasta, aktiviti pemerolehan dana adalah terutamanya daripada pasaran bon. Dalam sektor awam, dana diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII).

Agregat monetari terus berkembang dengan mapan pada suku keempat. Wang secara luas atau M3, berkembang pada kadar tahunan 7% pada akhir bulan Disember 2010 (S3 10: 8.5%).

Pada suku keempat, ringgit menambah nilai sedikit (+0.1%) berbanding dengan dolar AS. Penambahan nilai ringgit pada akhir tahun berikutan pemulihan keyakinan terhadap prospek pertumbuhan Asia pada amnya telah mengimbangi penurunan nilai ringgit pada bulan Oktober dan November dalam keadaan kegiatan penghindaran risiko yang lebih tinggi ekoran kebimbangan mengenai masalah hutang kerajaan di Eropah dan ketegangan di Semenanjung Korea. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan euro (+2.9%), paun sterling (+2.2%), namun menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-2.4%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit pada amnya menyusut nilai dalam julat -0.1% hingga -1.7% kerana faktor-faktor khusus bagi negara-negara tersebut telah menyebabkan pengukuhan mata wang tersebut berbanding dengan ringgit. Ringgit bagaimanapun menambah nilai sebanyak 0.7% berbanding dengan rupiah Indonesia.

Kestabilan kewangan terus terpelihara

Kestabilan kewangan berterusan sepanjang suku keempat disokong oleh institusi kewangan yang kukuh dan pasaran kewangan yang berfungsi dengan baik, yang terus menyokong pengantaraan kewangan dalam ekonomi dalam negeri.

Pada 3 November 2010, Bank Negara Malaysia memperkenalkan had maksimum bagi nisbah *loan-to-value* (LTV) pada 70% bagi kemudahan pembiayaan perumahan ketiga oleh seseorang peminjam. Matlamat pelaksanaan nisbah LTV ini adalah untuk menggalakkan pasaran harta tanah yang stabil dan mampan, serta memastikan orang ramai akan terus mampu untuk membeli rumah.

Sektor perbankan terus mempunyai daya tahan kewangan, dengan penampan modal yang kukuh melebihi RM60 bilion. Paras keberuntungan terus mapan berikutan pengembangan dalam aktiviti pemberian pinjaman yang menjana pulangan purata atas aset dan ekuiti masing-masing pada 1.5% dan 16.5%. Pembiayaan adalah menyeluruh, dengan pembiayaan kepada sektor isi rumah dan PKS mencakupi kira-kira 70% daripada jumlah pembiayaan terkumpul. Permodalan adalah kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) pada 14.6% dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) pada 12.8%. Sementara itu, paras pinjaman tak berbayar bersih (termasuk pembiayaan terjejas) bertambah baik sedikit untuk mencakupi 2% daripada jumlah pinjaman. Perlindungan kerugian pinjaman menjadi lebih kukuh kepada 99.5% lantas menyediakan penampan tambahan kepada sektor perbankan.

Nisbah kecukupan modal bagi industri insurans ialah 225.7% (S3 10: 222.7%). Bagi tahun 2010 secara keseluruhan, keuntungan syarikat insurans dan pengendali takaful meningkat kepada RM16.3 bilion (2009: RM14.6 bilion) disebabkan terutamanya oleh prestasi pelaburan yang lebih baik, serta pembayaran tuntutan yang lebih memuaskan dalam segmen perniagaan am dan juga perniagaan yang terus berkembang.

Pemulihan dijangka terus tidak sekata merentas rantau yang berbeza

Melangkah ke hadapan, pemulihan ekonomi global dijangka terus tidak sekata merentas rantau yang berbeza. Meskipun prospek jangka pendek ekonomi maju menjadi bertambah baik baru-baru ini, masih lagi wujud ketidaktentuan berhubung dengan kedudukan fiskal yang lemah, pengangguran yang tinggi dan keadaan pemberian pinjaman yang terhad. Sebaliknya, prospek pertumbuhan bagi Asia kekal menggalakkan, disokong oleh permintaan dalam negeri yang teguh. Walau bagaimanapun, ekonomi serantau sedang berhadapan dengan cabaran tekanan inflasi yang makin meningkat, terutamanya daripada harga komoditi dan bahan api yang tinggi, serta aliran modal yang besar dan tidak menentu.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia akan dipengaruhi oleh keadaan permintaan luar negeri yang semakin sederhana. Namun, pertumbuhan akan terus disokong oleh pengembangan pesat permintaan dalam negeri. Perbelanjaan penggunaan swasta akan terus mendapat manfaat daripada keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, harga komoditi yang teguh dan akses kepada pembiayaan. Aktiviti pembinaan dan infrastruktur yang dimulakan, serta program transformasi ekonomi yang dilaksanakan oleh Kerajaan akan memberikan sokongan yang besar kepada momentum pertumbuhan pelaburan swasta.

PERKEMBANGAN PADA SUKU KEEMPAT 2010

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pemulihan ekonomi global tidak sekata disebabkan wujudnya semula krisis hutang kerajaan di kawasan euro

Pemulihan ekonomi global terus tidak sekata pada suku keempat. Pertumbuhan ekonomi maju terus sederhana kerana negara-negara tersebut masih lagi dibelenggu oleh isu pengangguran yang tinggi, aktiviti pemberian pinjaman yang lembap dan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap kedudukan fiskal. Walaupun asas-asas ekonominya lemah, pertumbuhan Amerika Syarikat (AS) menjadi kukuh pada suku keempat disebabkan oleh aktiviti penggunaan swasta yang lebih baik daripada jangkaan. Di Asia, pertumbuhan terus kukuh memandangkan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan terus menyokong aktiviti ekonomi. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan tersebut adalah lebih sederhana berbanding dengan prestasi kukuh yang dicatat pada separuh pertama tahun 2010, sebahagiannya disebabkan oleh kadar peningkatan permintaan luar negeri yang lebih perlahan. Keadaan dalam pasaran kewangan antarabangsa semakin buruk pada suku keempat, terutamanya pada bulan November, berikutan ketidaktentuan berhubung dengan kedudukan fiskal Ireland. Ini lantas membawa kepada pelaksanaan pakej penyelamat EU-IMF kepada Ireland sebanyak €85 bilion pada 28 November. Pakej tersebut bertujuan untuk menstrukturkan semula sistem perbankan Ireland di samping melindungi pembiayaan awam. Disebabkan terdapat perbezaan antara pendirian dasar monetari akomodatif dalam ekonomi maju dengan dasar normalisasi dalam ekonomi sedang pesat membangun, khususnya Asia, aliran modal ke rantau Asia kekal ketara. Sebagai tindak balas, pihak berkuasa di beberapa negara Asia telah memperkenalkan langkah-langkah komprehensif bagi mengurangkan kesan daripada aliran modal terhadap kestabilan makroekonomi dan kewangan.

Di **AS**, KDNK benar meningkat dengan lebih cepat pada kadar tahunan sebanyak 3.2% (S3 10: 2.6%) disebabkan oleh pengembangan penggunaan swasta yang lebih kukuh menjelang akhir suku keempat. Penggunaan swasta meningkat lantaran isi rumah mengeluarkan tabungan mereka berikutan kadar aktiviti pembayaran balik hutang yang lebih perlahan dan prospek pekerjaan yang kembali pulih seperti dicerminkan oleh purata peluang pekerjaan yang diwujudkan setiap bulan sebanyak 128,000 pada suku tersebut (S3 10: -30.000). Walau bagaimanapun, sentimen pengguna secara relatif terus lembap berbanding dengan trend lazim sebelum ini, mencerminkan kebimbangan terhadap kadar pengangguran yang terus tinggi, yang masih melebihi 9% sejak bulan Mei 2009. Pertumbuhan juga disokong oleh eksport bersih memandangkan import merosot dengan ketara berikutan langkah penambahan semula inventori yang amat perlahan. Pelaburan tetap, khususnya untuk kelengkapan dan perisian, terus menyokong pertumbuhan, walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding dengan tempoh pemulihan ekonomi sebelum ini. Dari segi inflasi, IHP keseluruhan meningkat sebanyak 1.3% pada suku tersebut (S3 10: 1.2%), disebabkan oleh kenaikan harga tenaga. Pada 3 November, **Federal Reserve** (Fed) memperkenalkan pelonggaran kuantitatif pusingan kedua berjumlah USD600 bilion untuk menyokong pemulihan ekonomi yang agak lemah selain menangani kebimbangan mengenai tekanan deflasi yang semakin meningkat. Langkah-langkah ini bertujuan untuk merangsang permintaan sektor swasta, terutamanya penggunaan isi rumah, melalui penurunan kadar hasil jangka panjang (long-term yields) bagi pembayaran gadai janji perumahan dan kesan kekayaan yang lebih tinggi berikutan harga ekuiti yang makin meningkat. Sektor isi rumah menerima rangsangan tambahan daripada pemberian pakej pelepasan cukai sebanyak USD858

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2009		2010			Faktor penyumbang utama pertumbuhan pada S4
	S4	Year	S3	S4	Year	
	Perubahan tahunan (%)					
AS[1]	5.0	-2.6	2.6[d]	3.2[a]	2.9	Pertumbuhan disumbangkan oleh penggunaan swasta, eksport bersih dan pelaburan dalam kelengkapan dan perisian.
Jepun[1]	7.3	-6.3	3.3[d]	-1.1[p]	3.9	Penguncupan disebabkan oleh peningkatan permintaan luar negeri yang lebih perlahan dan penurunan penggunaan swasta berikutan tamatnya subsidi Kerajaan.
Kawasan euro	-2.0	-4.1	1.9	2.0[p]	1.7	Pertumbuhan disokong oleh peningkatan permintaan dalam dan luar negeri di negara-negara utama.
UK	-2.8	-4.9	2.7[d]	1.7[p]	1.4	Pertumbuhan sederhana disebabkan terutamanya oleh kemerosotan dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan.

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[d] Disemak
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

bilion (5.9% daripada KDNK) pada bulan Disember, yang meliputi pelanjutan potongan cukai dari era presiden Bush dan juga bantuan pengangguran.

Di **kawasan euro**, pertumbuhan pada asas suku-ke-suku terus mapan pada 0.3% pada suku keempat (S3 10: 0.3%). Pada asas tahunan, ekonomi kawasan euro mencatat pertumbuhan sebanyak 2% pada suku keempat (S3 10: 1.9%). Pertumbuhan telah disokong oleh prestasi eksport dan permintaan dalam negeri yang lebih baik bagi ekonomi-ekonomi utama, khususnya di Jerman, sementara aktiviti ekonomi terus merosot dalam ekonomi yang lebih kecil. Dari segi inflasi, harga pengguna naik sebanyak 2% (S3 10: 1.7%), disebabkan oleh harga tenaga dan makanan yang lebih tinggi. Krisis Ireland akhirnya membawa kepada pelaksanaan pakej EU-IMF bernilai sebanyak €85 bilion bagi penstrukturan semula perbankan dan pemulihan sektor kewangan awam Ireland pada 28 November. Pada suku tersebut, **European Central Bank** (ECB) memanfaatkan Program Pasaran Sekuriti yang diperkenalkan pada bulan Mei lalu dengan membeli bon kerajaan kawasan ekonomi euro yang terjejas bagi menstabilkan kos peminjaman masing-masing.

Ekonomi **UK** mengalami penguncupan suku-ke-suku sebanyak 0.5% (S3 10: 0.7%) pada suku keempat. Pada asas tahunan, pertumbuhan menjadi lebih sederhana kepada 1.7% (S3 10: 2.7%). Pertumbuhan lebih lemah yang tidak dijangka ini disebabkan terutamanya oleh kemerosotan dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan memandangkan aktiviti ekonomi telah terjejas dengan teruk oleh keadaan cuaca yang buruk. Ekonomi tersebut, bagaimanapun, terus disokong oleh peningkatan dalam pengeluaran dan eksport. Dari segi permintaan dalam negeri, penggunaan swasta adalah lebih lemah seperti ditunjukkan oleh jualan runcit yang lebih perlahan dan keyakinan pengguna yang berterusan lemah berikutan prospek langkah penjimatan fiskal seterusnya. Selanjutnya, inflasi meningkat dengan lebih cepat pada 3.3% pada suku tersebut (S3 10: 3.1%) didorong oleh harga komoditi yang lebih tinggi. Dalam mengimbangi prospek pertumbuhan yang lebih lemah dan risiko inflasi yang lebih tinggi, Bank of England (BOE) memutuskan untuk mengekalkan kadar dasarnya pada 0.5% dan menetapkan jumlah peruntukan program pembelian asetnya pada £200 bilion.

Ekonomi **Jepun** menguncup sebanyak 1.1% pada asas tahunan (S3 10: 3.3%) pada suku keempat akibat permintaan luar negeri yang semakin perlahan dan permintaan dalam negeri yang kembali lemah dengan tamatnya pemberian subsidi oleh kerajaan. Pada asas tahunan, kadar pertumbuhan ekonomi adalah lebih perlahan pada 2.2% (S3 10: 4.9%). Pertumbuhan eksport nyata

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2009		2010			Faktor penyumbang utama pertumbuhan pada S4
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	
	Perubahan tahunan (%)					
Singapura	4.6[d]	-0.8[d]	10.5[d]	12.0	14.5	Disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam sektor perkilangan, khususnya kelompok perkilangan bio-perubatan.
RR China	10.7	9.2	9.6	9.8	10.3	Sebahagian besar pertumbuhan disokong oleh permintaan dalam negeri yang teguh.
Filipina	2.1	1.1	6.3	7.1	7.3	Pertumbuhan diterajui oleh penggunaan isi rumah dan pelaburan yang kukuh.
Indonesia	5.4	4.5	5.8	6.9	6.1	Disokong oleh aktiviti pelaburan dan perbelanjaan sektor awam yang kukuh.
China Taipei	9.2	-1.9	10.7	6.9[p]	10.8	Disebabkan terutamanya oleh prestasi eksport yang sederhana, manakala permintaan dalam negeri kekal kukuh.
Korea	6.0	0.2	4.4[d]	4.8[p]	6.1	Didorong oleh prestasi eksport yang lebih kukuh dan pengembangan permintaan swasta yang berterusan.

[d] Disemak
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

lebih sederhana kepada 10% pada asas tahunan (S3 10: 17.8%) disebabkan oleh kemerosotan permintaan luar negeri, dan sebahagiannya oleh kesan pengukuhan yen. Sementara itu, perbelanjaan isi rumah merosot sebanyak 1.4% (S3 10: 0.9%) apabila tamatnya rangsangan kerajaan, manakala kadar pengangguran kekal tinggi pada 5% (S3 10: 5.1%). Tekanan deflasi berterusan apabila harga pengguna teras (tidak termasuk makanan segar) terus merosot sebanyak 0.5% (S3 10: -1.1%). Sebagai tindak balas terhadap kemerosotan ekonomi dalam keadaan pengukuhan yen dan deflasi, **Bank of Japan** (BoJ) mengurangkan kadar dasar semalamannya kepada julat 0 – 0.1% pada bulan Oktober, dan seterusnya melaksanakan program pembelian aset berjumlah ¥5 trilion (USD60 bilion) bagi memperoleh bon-bon kerajaan dan korporat.

Di rantau **Asia**, aktiviti ekonomi dalam kebanyakan negara di rantau ini kekal kukuh pada suku keempat disebabkan oleh pertumbuhan yang terus disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan, terutamanya penggunaan swasta, memandangkan keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik dan pertumbuhan yang kukuh bagi pemberian pinjaman. Walau bagaimanapun, kadar pengembangan ini adalah lebih sederhana berbanding dengan prestasi pada separuh tahun pertama, mencerminkan peningkatan yang sederhana dalam permintaan luar negeri dan aktiviti penambahan semula inventori yang lebih perlahan. Pertumbuhan di **RR China** meningkat sebanyak 9.8% disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang teguh meskipun terdapat beberapa siri langkah yang ketat pada suku tersebut. Ekonomi **Singapura** mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 12% (S3 10: 10.5%), didorong terutamanya oleh kelompok perkilangan bioperubatan yang prestasinya sering turun naik. Di **Korea**, ekonominya mencatat pertumbuhan sebanyak 4.8% (S3 10: 4.4%), disokong oleh aktiviti eksport yang kukuh, sementara ekonomi **Filipina** mengembang sebanyak 7.1% (S3 10: 6.3%), didorong oleh penggunaan isi rumah yang kukuh dan pelaburan yang pesat, khususnya pelaburan dalam kelengkapan tahan lama. Di **Indonesia**, ekonominya berkembang sebanyak 6.9% (S3 10: 5.8%) disokong oleh aktiviti pelaburan yang pesat dan perbelanjaan awam. Sementara itu, ekonomi **China Taipei** mengembang 6.9% (S3 10: 10.7%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan eksport yang sederhana.

Dalam keadaan pertumbuhan yang menggalakkan dan tekanan inflasi yang meningkat ekoran harga komoditi dan bahan api yang lebih tinggi, beberapa bank pusat di rantau ini terus menetapkan kadar faedah dasar mereka ke paras yang lebih wajar agar sejajar dengan keadaan ekonomi semasa. Sebagai tindak balas kepada peningkatan tekanan

inflasi yang menyaksikan inflasi mencapai paras tertinggi dalam tempoh 28 bulan pada bulan November, **People's Bank of China** (PBOC) menaikkan kadar deposit satu tahun dan pemberian pinjamannya sebanyak dua kali, masing-masing sebanyak 25 mata asas kepada 2.75% dan 5.81% pada bulan Oktober dan Disember. Bank pusat itu juga menaikkan nisbah keperluan rizabnya sebanyak tiga kali pada suku tersebut, iaitu kenaikan sebanyak 50 mata asas setiap kali kepada 18.5% bagi bank-bank utama. Pada bulan Januari 2011, bank pusat itu meningkatkan lagi nisbah keperluan rizabnya kepada 19%. **Central Bank of the Republic of China (Taiwan)** meningkatkan kadar diskaunnya sebanyak 12.5 mata asas kepada 1.625% pada bulan Disember, manakala **Bank of Thailand** dan **Bank of Korea** masing-masing menaikkan kadar dasar mereka sebanyak 25 mata asas kepada 2.25% dan 2.75% pada bulan Januari 2011. Selain itu, beberapa pihak berkuasa kewangan di rantau ini juga mengambil langkah selanjutnya untuk menguruskan aliran masuk modal dengan mengenakan levi atau cukai ke atas aliran masuk asing (Korea dan Thailand) dan menggunakan langkah kehematan makro dalam mengehadkan pendedahan mata wang asing sistem perbankan (China Taipei, Korea dan Indonesia). Beberapa pihak berkuasa seperti di Hong Kong, Singapura dan Thailand juga memperkenalkan langkah-langkah pentadbiran untuk menghalang kegiatan spekulatif dalam sektor harta tanah dalam negeri.

Harga **minyak mentah**[1] secara keseluruhannya meningkat pada suku keempat dan berpurata pada USD85 setong (S3 10: USD76 setong). Harga minyak naik kepada USD88 setong pada 11 November berikutan pengumuman pelonggaran kuantitatif pusingan kedua oleh Fed. Trend kenaikan harga ini kemudiannya bertukar arah apabila harga minyak mencecah paras serendah USD80 setong pada 17 November berikutan sentimen pasaran yang terjejas oleh jangkaan pelaksanaan selanjutnya dasar yang ketat oleh RR China, pengguna minyak kedua terbesar, dan juga kebimbangan yang muncul semula mengenai masalah hutang kerajaan di kawasan euro. Namun demikian, trend harga minyak naik kembali pada bulan Disember menjelang meningkatnya permintaan musim sejuk dan keadaan inventori yang lebih ketat di AS. Pada akhir tahun tersebut, harga minyak mentah diniagakan pada USD91 setong, paras tertinggi dalam tempoh 27 bulan, serta kenaikan sebanyak 15% daripada paras harga akhir tahun 2009.

Dalam **pasaran pertukaran asing**, dolar AS menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang tetapi menambah nilai berbanding dengan euro dan paun sterling. Penyusutan nilai dolar AS secara meluas sebahagian besarnya disebabkan oleh jangkaan pelonggaran kuantitatif selanjutnya oleh Fed pada bulan November. Sementara itu, euro dan paun sterling menyusut nilai berbanding dengan dolar berikutan kebimbangan mengenai kemunculan semula krisis hutang kerajaan ekoran krisis hutang Ireland, penurunan seterusnya dalam penarafan, dan kebimbangan terhadap kesan langkah penjimatan fiskal kepada proses pemulihan. Sebaliknya, yen terus menambah nilai berbanding dengan dolar AS, untuk mencecah paras tertingginya dalam tempoh 15 tahun, iaitu ¥80 pada bulan Oktober. Mata wang tersebut telah mendapat manfaat daripada peranannya sebagai mata wang perlindungan yang selamat di tengah-tengah kegiatan penghindaran risiko yang ketara dalam kalangan pelabur dalam pasaran kewangan global. Kebanyakan mata wang serantau juga menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada suku keempat berikutan aliran modal yang berterusan ke dalam rantau ini berikutan keyakinan terhadap prospek pertumbuhan rantau ini yang menggalakkan. Pada 4 November, dolar Singapura diniagakan pada paras tertingginya, iaitu S$1.2824 bagi setiap dolar AS, tetapi mata wang itu kemudiannya menyusut nilai pada bulan tersebut disebabkan oleh ketegangan geopolitik yang kian meningkat di semenanjung Korea dan krisis hutang kerajaan di Ireland yang semakin

[1] Merujuk kepada harga WTI niaga hadapan satu bulan di pasaran NYMEX

buruk. Yuan China mengakhiri suku itu pada paras tertinggi dalam tempoh 17 tahun, iaitu 6.5897 bagi setiap dolar AS.

Melangkah ke hadapan, pemulihan ekonomi global dijangka terus tidak sekata merentas rantau yang berbeza. Meskipun prospek jangka pendek ekonomi maju menjadi bertambah baik baru-baru ini, masih lagi wujud ketidaktentuan berhubung dengan kedudukan fiskal yang lemah, kadar pengangguran yang tinggi dan keadaan pemberian pinjaman yang terhad. Sebaliknya, prospek pertumbuhan bagi Asia kekal menggalakkan, disokong oleh permintaan dalam negeri yang teguh. Walaubagaimanapun, ekonomi serantau berhadapan dengan cabaran tekanan inflasi yang makin meningkat, terutamanya dengan harga komoditi dan bahan api yang tinggi, dan aliran modal yang besar dan tidak menentu.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan sederhana pada suku keempat

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.8% pada suku keempat, didorong oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh dalam keadaan permintaan luar negeri yang lebih lemah. Pertumbuhan yang lebih kukuh dalam permintaan dalam negeri disokong oleh perbelanjaan sektor swasta dan sektor awam. Pertumbuhan yang lebih lembap dalam ekonomi global telah menyebabkan pertumbuhan yang lebih lemah dalam permintaan luar negeri. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi, kecuali sektor komoditi utama, terus berkembang sepanjang suku keempat. Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia pada tahun 2010 meningkat sebanyak 7.2% (2009: -1.7%).

Permintaan dalam negeri terus meningkat

Permintaan dalam negeri meningkat sebanyak 5.7% pada suku keempat (S3 10: 5%), disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam penggunaan sektor swasta dan perbelanjaan modal.

Penggunaan swasta berkembang sebanyak 6.5% pada suku keempat (S3 10: 7.1%), disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, sentimen pengguna yang positif dan tahap pendapatan yang lebih tinggi. Perbelanjaan pengguna juga didorong oleh promosi jualan yang diadakan semasa musim perayaan serta musim cuti sekolah yang panjang pada bulan Disember. Penunjuk penggunaan utama seperti perbelanjaan kad kredit, jualan kereta penumpang dan pemberian pinjaman bank untuk penggunaan amat menggalakkan, menunjukkan aktiviti penggunaan yang kukuh pada suku keempat. Indeks Sentimen Pengguna MIER suku keempat meningkat kepada 117.2 mata (S3 10: 115.8 mata), mencerminkan keyakinan pengguna yang positif.

Penggunaan awam menurun sebanyak 0.3% (S3 10: -10.2%), disebabkan oleh perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang lebih rendah.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2000)

	2009		2010		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	2.8	-0.5	5.0	5.7	6.3
Penggunaan	1.4	1.2	3.5	4.7	5.3
Sektor swasta	*1.6*	*0.7*	*7.1*	*6.5*	*6.6*
Sektor awam	*0.7*	*3.1*	*-10.2*	*-0.3*	*0.1*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	8.2	-5.6	9.8	9.2	9.4
Eksport Bersih	-4.7	5.0	-31.7	-18.3	-24.2
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*6.0*	*-10.4*	*6.6*	*1.5*	*9.8*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*7.0*	*-12.3*	*11.0*	*3.3*	*14.7*
KDNK	**4.4**	**-1.7**	**5.3**	**4.8**	**7.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembentukan modal tetap kasar meningkat sebanyak 9.2% (S3 10: 9.8%) didorong oleh peningkatan dalam perbelanjaan modal swasta dan awam. Pelaburan sektor swasta mendapat manfaat daripada peningkatan pengeluaran oleh industri yang berorientasi dalam negeri dalam keadaan tahap penggunaan kapasiti yang tinggi. Penunjuk pelaburan utama seperti import barangan modal dan jualan kenderaan perdagangan menunjukkan aktiviti pelaburan yang terus berkembang. Pelaburan sektor awam meningkat dengan lebih pesat pada suku keempat dan menjadi dorongan tambahan kepada aktiviti ekonomi dalam negeri. Perbelanjaan untuk sektor pendidikan dan sektor pengangkutan merupakan komponen utama dalam perbelanjaan pembangunan pada suku keempat.

Pertumbuhan berterusan dalam kebanyakan sektor

Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi terus berkembang pada suku keempat. Pertumbuhan dalam **sektor perkhidmatan** adalah lebih tinggi dengan peningkatan menyeluruh dalam semua subsektor, disokong oleh keadaan permintaan dalam negeri yang menggalakkan dalam keadaan sentimen pengguna yang positif. **Sektor pembinaan** juga bertambah baik, disokong terutamanya oleh subsektor bukan kediaman

Pengguna terus optimistik



Sumber: MIER

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2000)

	2009		2010		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	5.9	0.4	2.7	-4.3	1.7
Perlombongan	-2.8	-3.8	-1.0	-1.3	0.2
Perkilangan	5.0	-9.4	7.5	6.2	11.4
Pembinaan	9.3	5.8	2.8	5.6	5.2
Perkhidmatan	5.2	2.6	5.4	6.2	6.8
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**4.4**	**-1.7**	**5.3**	**4.8**	**7.2**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding Tempoh Sebelumnya)	**2.0**	**-1.7**	**2.5**	**1.5**	**7.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

dan kejuruteraan awam. **Sektor perkilangan** terus berkembang walaupun pada kadar yang lebih sederhana dalam keadaan permintaan luar negeri yang lebih lemah. **Sektor pertanian** menurun pada suku keempat disebabkan oleh penurunan keluaran minyak sawit mentah. **Sektor perlombongan** terus merosot disebabkan oleh penurunan yang berterusan dalam pengeluaran minyak mentah.

Peningkatan berterusan industri berorientasikan dalam negeri

Nilai ditambah dalam sektor perkilangan mencatat peningkatan yang lebih sederhana sebanyak 6.2% (S3 10: 7.5%) pada suku keempat apabila peningkatan dalam industri berorientasikan dalam negeri yang berterusan lebih daripada mengimbangi pertumbuhan yang lebih perlahan dalam industri berorientasikan eksport.

Prestasi Sektor Perkilangan

	2009		2010		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**5.0**	**-9.4**	**7.5**	**6.2**	**11.4**
Pengeluaran Keseluruhan[1]	**4.4**	**-10.0**	**7.2**	**6.4**	**11.0**
Industri berorientasikan eksport	**4.1**	**-11.1**	**6.4**	**4.5**	**9.7**
Kelompok elektronik dan barangan elektrik	**1.8**	**-22.8**	**9.6**	**0.2**	**17.4**
Antaranya:					
Elektronik	0.8	-24.6	-7.4	-16.4	3.2
Barangan elektrik	4.0	-18.8	44.4	34.8	47.4
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**5.5**	**-3.5**	**4.7**	**7.0**	**5.7**
Antaranya:					
Kimia dan keluaran kimia	19.5	-1.7	8.0	4.1	11.3
Keluaran petroleum	-6.9	-0.8	0.2	16.3	-2.4
Keluaran getah	16.2	-3.0	17.5	12.7	20.8
Pemprosesan diluar estet	8.5	-2.1	2.9	-14.1	-2.3
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**5.5**	**-5.7**	**9.8**	**13.3**	**15.6**
Kelompok barangan berkaitan pembinaan	**2.5**	**-11.4**	**9.3**	**22.0**	**18.8**
Antaranya:					
Keluaran berkaitan pembinaan	-2.5	-18.1	14.8	19.9	21.8
Keluaran logam yang direka	10.1	-1.1	2.5	24.8	15.0
Kelompok barangan pengguna	**7.8**	**-1.2**	**10.1**	**7.4**	**13.3**
Antaranya:					
Kelengkapan pengangkutan	-8.3	-12.4	20.7	21.0	29.8
Makanan, minuman & keluaran tembakau	12.0	1.5	11.1	8.7	8.7

[1]Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan dalam **industri berorientasikan eksport** menjadi sederhana kepada 4.5% (S3 10: 6.4%) disebabkan oleh pertumbuhan kelompok E&E yang terus perlahan berikutan penurunan dalam pengeluaran komputer dan alat ganti, serta separa konduktor meskipun pertumbuhan kelompok barangan berasaskan sumber mencatat prestasi yang lebih baik.

Walau bagaimanapun, **industri berorientasikan dalam negeri** meningkat dengan lebih kukuh sebanyak 13.3% (S3 10: 9.8%), didorong terutamanya oleh peningkatan pesat yang berterusan dalam kelompok berkaitan pembinaan. Kelompok berkaitan pengguna juga mencatat pertumbuhan positif kerana disokong oleh peningkatan dalam segmen pengangkutan dan minuman.

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan dalam sektor perkilangan meningkat kepada 80% pada suku keempat (S3 10: 75%), mencerminkan pengeluaran yang mampan dalam sektor tersebut. Industri berorientasikan eksport dan berorientasikan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 82% dan 75% daripada jumlah kapasiti (S3 10: masing-masing 76% dan 71%).

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai tahun 2009, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2004 kepada nilai tambah tahun 2006

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi lebih baik dalam sektor perkhidmatan

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 6.2% pada suku keempat (S3 10: 5.4%), disokong terutamanya oleh aktiviti ekonomi dalam negeri yang terus berkembang. Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang yang paling besar kepada pertumbuhan, dengan sumbangan sebanyak 3.6 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan. Pertumbuhan didorong terutamanya oleh subsektor perdagangan borong dan runcit; subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; serta subsektor komunikasi.

Subsektor **perdagangan borong dan runcit** mencatat pertumbuhan sebanyak 8.2% (S3 10: 5.7%), sejajar dengan pertumbuhan penggunaan swasta yang berterusan, serta mencerminkan sentimen pengguna yang positif serta jualan akhir tahun. Subsektor **komunikasi** terus mencatat pertumbuhan yang pesat sebanyak 9.8% (S3 10: 9.1%) disebabkan permintaan yang kekal tinggi terhadap perkhidmatan jalur lebar dan perkhidmatan data mudah alih. Peningkatan aktiviti pasaran modal turut menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 8.7% (S3 10: 6.2%) dalam subsektor **harta tanah dan perkhidmatan perniagaan**.

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2000)

	Bahagian 2009 (%)	2009		2010		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**43.6**	**8.0**	**3.4**	**6.7**	**5.8**	**7.0**
Kewangan & insurans	20.4	10.5	5.1	6.4	3.4	6.1
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	9.4	7.2	2.4	6.2	8.7	7.8
Pengangkutan & penyimpanan	6.6	2.6	-2.8	5.5	5.1	6.9
Komunikasi	7.2	7.1	6.0	9.1	9.8	8.5
Perkhidmatan Akhir	**56.4**	**3.3**	**2.0**	**4.4**	**6.4**	**6.6**
Perdagangan borong & runcit	23.2	3.6	1.2	5.7	8.2	7.9
Penginapan & restoran	4.3	2.2	2.8	5.1	3.4	5.0
Utiliti	5.2	9.1	0.4	4.0	4.3	8.2
Perkhidmatan Kerajaan	13.2	0.4	2.0	2.7	6.9	6.5
Perkhidmatan lain	10.5	4.2	4.4	3.7	3.9	4.0
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**5.2**	**2.6**	**5.4**	**6.2**	**6.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2009	2010			
	S4	S1	S2	S3	S4
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	109.6	114.2	110.4	115.8	117.2
Indeks Perdagangan Runcit MIER	111.0	106.9	134.1	140.0	132.0
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	114.1	120.5	118.2	118.8	124.6
	Perubahan tahunan (%)				
Ketibaan pelancong	9.5	5.3	3.9	5.6	1.2
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	15.8	20.3	14.1	10.0	6.3
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	7.6	9.5	10.6	10.7	9.9
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	-1.0	4.5	8.6	7.3	7.5
Import barangan penggunaan	6.3	18.5	13.3	3.2	6.9
Jumlah jualan kenderaan bermotor	17.6	22.7	17.4	3.7	9.3
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	11.8	22.5	21.3	10.9	9.6

Sumber: Pelbagai sumber

Subsektor **kewangan dan insurans** berkembang sebanyak 3.4% (S3 10: 6.4%) disokong terutamanya oleh segmen kewangan disebabkan oleh pertumbuhan pinjaman yang menggalakkan pada suku tersebut. Sementara itu, subsektor **pengangkutan dan penyimpanan** mencatat pertumbuhan yang sederhana disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih rendah dalam perkhidmatan pengangkutan berkaitan kargo ekoran aktiviti perdagangan yang sederhana.

Prestasi sektor komoditi lebih lemah

Nilai ditambah dalam **sektor pertanian** menguncup sebanyak 4.3% pada suku keempat (S3 10: 2.7%), mencerminkan penurunan keluaran minyak sawit mentah akibat hujan yang luar biasa lebatnya yang telah mengurangkan aktiviti kutipan hasil. Pengeluaran tanaman makanan juga sederhana pada suku tersebut. **Sektor perlombongan** menguncup sebanyak 1.3% (S3 10: -1%), mencerminkan pengeluaran minyak mentah yang terus merosot dalam keadaan terdapat penurunan yang lebih perlahan dalam pengeluaran gas asli.

Prestasi Sektor Pertanian

	2009		2010		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**5.9**	**0.4**	**2.7**	**-4.3**	**1.7**
Tanaman Industri	**5.4**	**-4.6**	**-2.2**	**-10.4**	**-2.6**
Tanaman Makanan	**6.6**	**7.2**	**8.4**	**4.0**	**7.0**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	6.4	-1.0	3.1	-15.1	-3.3
Getah	19.6	-20.1	0.3	6.1	9.6
Ikan	7.9	12.2	6.1	2.4	2.7
Ternakan	13.0	7.6	2.6	-2.2	2.4

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perikanan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2009		2010		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**-2.6**	**-3.8**	**-1.0**	**-1.3**	**0.2**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	-4.1	-4.5	-6.1	-3.4	-3.5
Gas asli (bersih)	0.6	-1.6	7.2	2.0	4.4

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan lebih tinggi dalam sektor pembinaan

Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada suku keempat (5.6%; S3 10: 2.8%), mencerminkan peningkatan meluas aktiviti pembinaan secara keseluruhan. Peningkatan dalam subsektor bukan kediaman disebabkan terutamanya oleh pembinaan ruang pejabat dan ruang runcit, manakala pertumbuhan dalam subsektor kejuruteraan awam disokong oleh kemajuan selanjutnya dalam pelaksanaan projek infrastruktur. Subsektor kediaman kembali mencatat pertumbuhan yang positif pada suku keempat.

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2009		2010		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan pengiklanan baharu	100.8	12.3	8.6	13.0	16.0
Kelulusan perumahan	111.6	4.2	43.1	31.7	23.6
Pengeluaran[1] bahan berkaitan pembinaan	2.5	-11.4	9.3	22.0	18.8
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	14.6	-19.1	77.0	49.7	53.6
Import bahan pembinaan dan produk galian	10.5	-3.1	13.7	34.8[2]	30.7[3]

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)
[2] Okt-Nov 2010
[3] Jan-Nov 2010

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Inflasi lebih tinggi pada suku keempat

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur melalui perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat pada kadar tahunan 2% pada suku keempat (S3 10: 1.9%). Harga dalam kategori *pengangkutan* mencatat kenaikan sebanyak 2.5% (S3 10: 2.1%) berikutan pelarasan kenaikan harga runcit bahan api sebanyak 5 sen/liter untuk petrol RON95 dan diesel, sejajar dengan program rasionalisasi subsidi Kerajaan. Selain itu, harga bagi RON97 juga telah diselaraskan dan dinaikkan sebanyak 20 sen/liter bagi petrol. Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* tidak berubah iaitu 2.9% (S3 10: 2.9%). Dalam subkategori makanan, harga makanan yang lebih tinggi dicatat dalam subkategori *gula, jem, madu, coklat dan manisan* disebabkan oleh pelarasan kenaikan harga runcit gula sebanyak 20 sen/kg, manakala subkategori *sayur-sayuran* mencatat kenaikan harga yang lebih kecil berikutan usaha Kerajaan memastikan bekalan yang mencukupi semasa musim perayaan pada bulan Disember. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada kenaikan harga tersebut diimbangi oleh penurunan harga dalam kategori *pakaian dan kasut* serta kategori *komunikasi*.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat pada kadar tahunan yang lebih perlahan

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

sebanyak 4.8% pada suku keempat 2010 (S3 10: 5.1%). Harga dalam komponen IHPR bukan berkaitan komoditi meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.1% (S3 10: 1.6%). Di samping itu, kenaikan harga komponen berkaitan komoditi menjadi sederhana kepada 13% (S3 10: 13.4%).

Dari segi komposisi, harga dalam komponen IHPR yang diimport tidak berubah pada 1.1% (S3 10: 1.1%). Sementara itu, harga komponen IHPR tempatan meningkat pada kadar lebih perlahan sebanyak 6.6% (S3 10: 7.1%) disebabkan oleh kenaikan yang sederhana dalam kategori *mineral, bahan api, pelincir dll*. (S4 10: 3.4%, S3 10: 15%).

Keadaan pasaran pekerja terus menggalakkan

Keadaan pasaran pekerja terus menggalakkan. Jumlah pemberhentian pekerja kekal rendah dan kadar pengangguran terus menurun. Bilangan pemberhentian pekerja berjumlah 1,761 orang (S3: 1,751 orang), dengan sektor perkhidmatan mencakupi bahagian yang lebih besar daripada jumlah pemberhentian pekerja. Guna tenaga dalam sektor perkilangan kekal berdaya tahan meskipun permintaan luar negeri sederhana pada separuh kedua tahun itu. Pada suku keempat, bilangan pemberhentian pekerja dalam sektor perkilangan menurun dengan ketara, terutama dalam subsektor E&E. Pada dua bulan pertama suku keempat, kadar pengangguran terus menurun kepada 3% (S3 10: 3.2%), disebabkan oleh pertumbuhan guna tenaga yang kukuh (2.7%), yang terus melebihi pertumbuhan tenaga kerja (2.2%). Upah benar bagi setiap pekerja sektor perkilangan meningkat dengan lebih sederhana sebanyak 0.5% (S3 10: 1.6%).

Keadaan Pasaran Pekerja



* Mencerminkan pelarasan pemberhentian pekerja bagi S3 2008

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Walau bagaimanapun, jumlah jawatan kosong di portal JobsMalaysia rendah sedikit pada suku keempat (393,408 jawatan; S3 10: 401,778 jawatan), mencerminkan permintaan terhadap pekerja yang lebih sederhana berikutan aktiviti ekonomi yang sederhana pada separuh kedua tahun itu. Bilangan jawatan kosong yang lebih rendah dialami oleh sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembinaan.

Aktiviti perdagangan sederhana

Lebihan perdagangan berjumlah RM25.5 bilion pada suku terakhir 2010 (S3 10: RM22.3 bilion) berikutan eksport dan import kasar yang lebih sederhana. Eksport kasar meningkat pada kadar lebih sederhana susulan permintaan luar yang lebih rendah untuk keluaran elektronik. Import kasar juga lebih sederhana mencerminkan import barangan pengantara yang lebih rendah, manakala import barangan modal dan barangan pengguna disokong oleh permintaan dalam negeri yang menggalakkan.

Prestasi Perdagangan Luar Negeri



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan **eksport kasar** yang sederhana sebanyak 3.7% mencerminkan terutamanya penurunan kecil dalam **eksport perkilangan** (-0.6%; S3 10: 5.2%), yang terjejas terutamanya oleh permintaan luar yang lebih rendah untuk keluaran elektronik. Sementara itu, eksport keluaran bukan E&E mampan, dipacu oleh permintaan serantau yang kukuh untuk keluaran kimia serta peralatan optik dan saintifik. **Eksport komoditi** terus kukuh, berkembang sebanyak 16.9% (S3 10: 28.2%), disokong oleh harga yang lebih tinggi dan permintaan yang berterusan daripada rantau Asia.

Malaysia: Destinasi Eksport

	2009		2010			2009		2010		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)					Bahagian daripada jumlah eksport (%)				
Amerika Syarikat	**-7.4**	**-26.7**	**-0.6**	**-10.8**	**0.6**	**10.6**	**10.9**	**9.6**	**9.1**	**9.5**
Kesatuan Eropah (EU)	**1.0**	**-19.8**	**11.1**	**0.4**	**14.5**	**11.1**	**10.8**	**10.8**	**10.8**	**10.7**
Negara ASEAN terpilih[1]	**13.6**	**-16.4**	**4.5**	**1.7**	**13.9**	**25.7**	**25.5**	**24.1**	**25.3**	**25.1**
Timur Laut Asia	**40.1**	**-2.8**	**9.8**	**2.5**	**19.7**	**24.6**	**23.8**	**24.7**	**24.3**	**24.6**
Republik Rakyat China	*60.5*	*6.0*	*3.4*	*0.1*	*19.9*	*12.8*	*12.2*	*12.5*	*12.4*	*12.6*
Hong Kong SAR	*38.3*	*2.3*	*-0.3*	*-0.4*	*12.8*	*5.2*	*5.2*	*5.1*	*5.0*	*5.1*
China Taipei	*21.1*	*-14.4*	*28.8*	*32.6*	*39.9*	*2.6*	*2.6*	*3.4*	*3.3*	*3.2*
Korea	*8.3*	*-21.7*	*39.9*	*-5.6*	*14.7*	*4.0*	*3.8*	*3.6*	*3.6*	*3.8*
Asia Barat	**-10.2**	**-18.0**	**-15.7**	**11.0**	**1.9**	**3.4**	**3.9**	**3.1**	**3.7**	**3.4**
India	**-27.5**	**-31.3**	**35.2**	**21.9**	**23.3**	**2.8**	**3.1**	**3.5**	**3.3**	**3.3**
Jumlah eksport	**6.6**	**-16.5**	**10.4**	**3.7**	**15.6**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	2009		2010		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**6.6**	**-16.5**	**10.4**	**3.7**	**15.6**
Perkilangan	11.3	-11.4	5.2	-0.6	12.0
E&E	*18.4*	*-10.8*	*3.9*	*-8.0*	*9.7*
Bukan E&E	*2.9*	*-12.2*	*6.8*	*9.5*	*15.0*
Komoditi	-10.0	-28.8	28.2	16.9	26.8
Pertanian	*5.4*	*-22.7*	*19.3*	*33.1*	*29.5*
Mineral	*-17.7*	*-32.5*	*34.9*	*6.5*	*25.0*
Import Kasar	**6.9**	**-16.3**	**16.5**	**10.1**	**21.7**
Barangan modal	17.4	-5.9	21.1	9.4	16.2
Barangan pengantara	0.1	-21.6	15.6	10.5	22.1
Barangan penggunaan	6.3	-2.7	3.2	6.9	10.1
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**32.4**	**118.4**	**22.3**	**25.5**	**110.2**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan Import



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Import kasar berkembang pada kadar yang lebih sederhana disebabkan oleh import barangan pengantara yang lebih perlahan, mencerminkan eksport perkilangan yang lebih lemah. Import barangan modal dan barangan penggunaan terus mencatat pertumbuhan positif, dalam keadaan permintaan dalam negeri yang semakin kukuh.

FDI lebih tinggi berikutan aliran masuk pelaburan portfolio yang berterusan

Pada asas tunai, aliran masuk **pelaburan langsung asing** (foreign direct investment, FDI)* kasar meningkat kepada RM11.8 bilion pada suku keempat (S3 10: +RM8.5 bilion), mencerminkan aliran masuk modal ekuiti yang lebih besar. Selepas membuat pelarasan bagi aliran keluar kasar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman antara syarikat, FDI bersih juga lebih tinggi pada RM8.3 bilion (S3 10: +RM4.4 bilion). Pada suku keempat, FDI disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan perlombongan. FDI dalam sektor perkhidmatan terutamanya disalurkan kepada syarikat dalam subsektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan, selain subsektor perdagangan borong dan runcit. Dalam sektor perkilangan, sebahagian besar daripada aliran masuk disalurkan ke dalam industri elektrik dan elektronik (E&E) serta industri berkaitan petroleum. FDI dalam subsektor minyak dan gas terus mencatat jumlah yang agak besar.

* Statistik bagi FDI dan DIA pada asas tunai tidak termasuk perolehan tertahan.

Pelaburan langsung luar negeri (direct investment abroad, DIA)* oleh syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM3.2 bilion pada suku keempat (S3 10: -RM5.4 bilion), mencerminkan terutamanya aliran modal ekuiti dan pemberian pinjaman bersih antara syarikat yang diberikan kepada syarikat subsidiari di luar negeri yang lebih rendah. Sebahagian besar pelaburan dibuat oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam subsektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan, serta perdagangan borong dan runcit. Pelaburan yang besar turut dibuat dalam sektor minyak dan gas, dan sektor pertanian.

Aliran masuk bersih **pelaburan portfolio** berjumlah RM2.8 bilion pada suku keempat (S3 10: +RM9.8 bilion). Aliran masuk yang lebih kecil ini mencerminkan sebahagiannya penjualan bersih sekuriti hutang asing pada bulan November berikutan kebimbangan global baharu terhadap hutang kerajaan dalam zon euro. Namun, pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang stabil terus menarik aliran masuk dana asing ke dalam pasaran ekuiti dan bon dalam negeri.

Hutang luar negeri menurun

Jumlah hutang luar negeri Malaysia menurun kepada RM226.3 bilion atau USD72.6 bilion pada akhir bulan Disember 2010 (akhir bulan September 2010: RM227.6 bilion atau USD73 bilion), bersamaan dengan 30.2% daripada PNK.

Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang kekal stabil pada RM146.9 bilion (akhir bulan September 2010: RM146.8 bilion), memandangkan kedudukan pembayaran balik bersih dalam sektor awam telah diimbangi oleh kenaikan yang sedikit dalam hutang luar negeri berikutan pengukuhan mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku keempat. Kedudukan pembayaran balik bersih dalam sektor awam disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik beberapa pinjaman besar oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan telah mencatat ambilan bersih yang kecil. Sementara itu, hutang luar negeri sektor swasta mencatat kenaikan yang sedikit pada suku tersebut, mencerminkan terutamanya peminjaman sektor swasta bukan bank yang lebih tinggi bagi membiayai pelaburan modal mereka.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2009	2010	
	akhir-Dis	akhir-Sept	akhir-Dis[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	155.4	146.8	146.9
Sektor awam	85.4	84.1	83.3
Sektor swasta	70.0	62.7	63.6
Hutang jangka pendek[1]	77.8	80.8	79.4
Jumlah hutang luar negeri	233.1	227.6	226.3
bersamaan USD bilion	67.4	73.0	72.6
Hutang Luar Negeri Terkumpul/PNK (%)	35.1	30.3	30.2
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek (kali)	4.3	3.8	4.2[2]

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Rizab antarabangsa pada 31 Januari 2011
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pada akhir bulan Disember 2010, **hutang luar negeri jangka pendek** menurun kepada RM79.4 bilion atau USD25.7 bilion (akhir bulan September 2010: RM80.8 bilion), disebabkan terutamanya oleh peminjaman yang lebih rendah oleh sektor perbankan. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi 35.1% daripada jumlah hutang luar negeri. Paras rizab antarabangsa pada 31 Januari 2011 mampu membiayai 4.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a]Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2009		2010[a]		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Hasil	42.6	158.6	43.1	45.8	159.7
% pertumbuhan	*-8.0*	*-0.7*	*5.7*	*7.6*	*0.6*
Perbelanjaan mengurus	46.2	157.1	38.6	44.1	151.6
% pertumbuhan	*-5.4*	*2.3*	*3.9*	*-4.6*	*-3.5*
Akaun semasa	**-3.6**	**1.6**	**4.6**	**1.7**	**8.0**
% daripada KDNK	***-2.0***	***0.2***	***2.4***	***0.8***	***1.0***
Perbelanjaan pembangunan kasar	17.6	49.5	12.5	20.8	52.8
% pertumbuhan	*9.5*	*15.6*	*8.0*	*18.6*	*6.6*
Imbangan keseluruhan	**-20.9**	**-47.4**	**-7.8**	**-18.2**	**-43.3**
% daripada KDNK	***-11.3***	***-7.0***	***-4.0***	***-8.9***	***-5.6***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	63.8	206.6	51.1	64.9	204.4
% pertumbuhan	*-1.7*	*5.2*	*4.9*	*1.8*	*-1.0*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	362.4	362.4	397.8	407.1	407.1
% daripada KDNK	*53.3*	*53.3*	*51.9*	*53.1*	*53.1*
Hutang dalam negeri	348.6	348.6	381.4	390.4	390.4
% daripada KDNK	*51.3*	*51.3*	*49.8*	*51.0*	*51.0*
Hutang luar negeri	13.8	13.8	16.4	16.7	16.7
% daripada KDNK	*2.0*	*2.0*	*2.1*	*2.2*	*2.2*

[a]Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Rizab antarabangsa kekal tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM328.6 bilion (bersamaan dengan USD106.5 bilion) pada 31 Disember 2010. Paras rizab ini telah mengambil kira peningkatan nilai rizab disebabkan oleh pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan kebanyakan mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku keempat. Pada 31 Januari 2011, kedudukan rizab berjumlah RM333.5 bilion (bersamaan dengan USD108.1 bilion), memadai untuk membiayai 8.7 bulan import tertangguh dan ialah 4.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Defisit fiskal sebanyak 5.6% daripada KDNK pada tahun 2010

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan adalah lebih tinggi pada suku keempat, menyebabkan defisit fiskal keseluruhan sebanyak 5.6% daripada KDNK bagi tahun 2010. Khususnya, perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi adalah disebabkan oleh perbelanjaan yang meningkat dalam sektor *pendidikan* serta *perdagangan* dan *perindustrian*. Sementara itu, pendapatan kekal memuaskan disebabkan oleh pungutan cukai pendapatan dan cukai tak langsung yang lebih tinggi. Defisit fiskal dibiayai melalui peminjaman dalam negeri. Pada akhir tahun 2010, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak RM407.1 bilion atau 53.1% daripada KDNK.

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah terus stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) tidak berubah pada 2.75% pada suku keempat 2010 dan juga pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) yang diadakan pada 27 Januari 2011. Pada paras semasa ini, OPR kekal akomodatif dan adalah wajar dan konsisten dengan penilaian prospek pertumbuhan dan inflasi.

Mencerminkan OPR yang tidak berubah, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman (average overnight interbank rate, AOIR) juga stabil, bergerak dalam julat 2.67% hingga 2.75% pada tempoh 1 Oktober – 31 Disember 2010. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga stabil.

Dari segi kadar deposit runcit, kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Pada akhir bulan Disember, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan masing-masing adalah antara 2.71% hingga 2.97%. Dari segi kadar pinjaman runcit, kadar pinjaman asas purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.27%. Walau bagaimanapun, kadar pinjaman purata bagi pinjaman terkumpul menjadi sederhana kepada 5.05% (akhir bulan September: 5.19%). Ini disebabkan terutamanya oleh pinjaman mata wang asing yang diberikan pada kadar pinjaman yang lebih rendah oleh sebuah institusi perbankan asing. Yang jelas, kadar pinjaman runcit kekal di bawah paras sebelum krisis.

Kadar Faedah

	2009	2010	
	S4	S3	S4
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	2.00	2.75	2.75
Kadar antara bank			
Semalaman	1.99	2.73	2.72
1 bulan	2.07	2.81	2.83
Kadar pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	5.51	6.27	6.27
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	4.83	5.19	5.05
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	2.03	2.73	2.74
12 bulan	2.50	2.95	2.97

Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Purata bagi tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan bekalan wang sederhana

Agregat monetari terus berkembang dengan mampan pada suku keempat. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM10.9 bilion pada suku tersebut. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 11.7% pada akhir bulan Disember 2010 (akhir bulan September: 11.5%). Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan 7.0% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September: 8.5%). Pada asas suku tahunan, M3 meningkat sebanyak RM30.4 bilion.

Pendorong utama bagi peningkatan M3 ialah pemberian kredit yang lebih tinggi kepada sektor swasta oleh sistem perbankan. Ini disebabkan oleh pertambahan pinjaman sebanyak RM28.9 bilion dan pemegangan sekuriti hutang swasta yang lebih tinggi oleh bank. Wang secara luas turut berkembang disebabkan oleh aliran masuk asing bersih. Aliran masuk ini telah disteril oleh terbitan sekuriti oleh Bank Negara Malaysia. Oleh itu, deposit telah dikeluarkan bagi pembelian sekuriti tersebut. Ini dicerminkan oleh penyederhanaan dalam "pengaruh lain bersih" yang seterusnya menyebabkan kesan penguncupan terhadap bekalan wang.

Penentu-Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2009		2010		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
M3	**41.5**	**85.4**	**23.9**	**30.4**	**71.5**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	13.5	25.8	2.7	-3.5	-8.3
Tuntutan terhadap sektor swasta	19.3	51.0	22.5	29.4	96.5
Pinjaman	*14.7*	*46.5*	*17.2*	*28.9*	*92.3*
Sekuriti	*4.6*	*4.5*	*5.3*	*0.5*	*4.2*
Aset asing bersih[1]	6.6	11.8	19.0	14.8	50.2
BNM	*1.7*	*-3.4*	*5.9*	*17.1*	*30.8*
Sistem Perbankan	*4.8*	*15.1*	*13.0*	*-2.3*	*19.5*
Pengaruh lain	2.1	-3.1	-20.2	-10.4	-67.0

[1]Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pembiayaan sektor swasta makin kukuh pada suku keempat

Keadaan pembiayaan pada suku keempat terus menyokong aktiviti ekonomi. Permintaan terhadap pembiayaan daripada sektor awam dan swasta disokong oleh akses kepada pembiayaan yang berterusan, kos peminjaman yang berpatutan dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan. Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM220.9 bilion pada suku keempat (S3 10: RM189.4 bilion). Pembiayaan yang lebih tinggi ini mencerminkan peningkatan dalam pengeluaran pinjaman selain terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) dan tawaran awam awal (initial public offerings, IPO) yang lebih tinggi pada suku itu. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 11.4% pada akhir bulan Disember (S3 10: 10.9%).

Penunjuk pinjaman utama kekal teguh pada suku keempat. Dalam sektor perniagaan, pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi mencerminkan terutamanya ambilan dana untuk membiayai modal kerja bagi sektor *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; elektrik, gas dan air;* dan *perkilangan*. Permintaan terhadap pembiayaan baharu kekal

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2009	S4 09	S3 10	S4 10	2009	S3 10	S4 10
Jumlah pembiayaan kasar	**739.4**	**216.6**	**189.4**	**220.9**	**7.4**	**4.4**	**2.0**
Pengeluaran pinjaman*	657.2	187.0	176.1	188.8	2.7	5.1	1.0
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas dan terbitan oleh bukan pemastautin)	56.1	16.4	11.2	17.4	30.9	-11.3	5.9
Ekuiti	26.0	13.2	2.1	14.7	375.5	73.6	12.0
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**82.4**	**30.1**	**25.0**	**38.2**	**8.4**	**10.9**	**11.4**
Sistem perbankan	57.2	19.8	22.9	29.9	7.3	11.0	12.0
Pinjaman terkumpul (A)	*57.0*	19.8	19.2	29.5	7.8	11.8	12.8
Pemegangan PDS	*0.2*	0.0	3.7	0.4	0.3	1.3	2.0
PDS terkumpul (B)	25.5	10.3	5.8	8.7	10.0	8.3	7.4
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas dan terbitan oleh bukan pemastautin)	58.6	16.4	14.4	18.3	18.0	6.5	11.4

*Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

pada paras tinggi dengan permohonan yang lebih tinggi daripada sektor *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi; perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel; elektrik, gas dan air* dan *pembinaan*. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat sebanyak 9.4% pada akhir bulan Disember (S3 10: 7.1%).

Pembiayaan kepada sektor isi rumah terus stabil. Permintaan terhadap pinjaman terutamanya adalah untuk *pembelian harta kediaman dan bukan kediaman*, dan *kereta penumpang*. Pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah turut meningkat pada suku keempat. Sejajar dengan itu, pinjaman isi rumah terkumpul berkembang sebanyak RM14.2 bilion pada suku keempat untuk meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 13.4% pada akhir bulan Disember (S3 10: 13.3%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2009	S4 09	S3 10	S4 10	2009	S4 09	S3 10	S4 10
Jumlah								
Permohonan pinjaman	521.3	141.2	176.3	173.5	9.8	39.0	30.1	22.9
Kelulusan pinjaman	286.9	80.4	91.2	91.8	-1.4	32.1	25.5	14.1
Pengeluaran pinjaman	657.2	187.0	176.1	188.8	2.7	18.4	5.1	1.0
Bayaran balik pinjaman	595.1	162.4	165.2	168.1	4.7	13.2	13.4	3.5
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	57.0	19.8	19.2	29.5	7.8	7.8	11.8	12.8
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman	237.8	61.2	84.7	82.1	-2.7	19.2	40.6	34.1
Kelulusan pinjaman	127.7	37.1	43.7	43.4	-13.7	25.8	47.5	17.0
Pengeluaran pinjaman	440.0	126.1	116.5	124.5	-3.4	12.0	5.9	-1.3
Bayaran balik pinjaman	407.3	112.8	113.6	113.2	1.0	10.7	15.7	0.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	8.9	5.9	2.1	13.4	3.0	3.0	7.1	9.4
PKS**								
Permohonan pinjaman	104.6	29.7	32.0	34.2	4.2	49.4	12.2	14.9
Kelulusan pinjaman	45.3	12.7	14.7	14.4	-16.3	10.3	18.3	13.5
Pengeluaran pinjaman	143.2	38.3	35.3	39.9	-12.1	-3.3	-1.3	4.2
Bayaran balik pinjaman	132.1	34.9	33.9	37.5	-9.1	-3.4	3.2	7.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	0.6	5.9	2.8	3.7	0.5	0.5	4.5	2.6
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	133.2	31.5	52.8	47.9	-7.5	0.1	66.0	52.3
Kelulusan pinjaman	82.4	24.4	29.0	29.0	-12.2	35.7	68.5	18.8
Pengeluaran pinjaman	296.8	87.8	81.3	84.6	1.4	20.2	9.3	-3.6
Bayaran balik pinjaman	275.2	77.9	79.7	75.7	6.7	18.5	22.0	-2.9
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	8.3	0.0	-9.0	18.0	4.9	4.9	4.1	14.1
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	283.5	80.0	91.6	91.4	23.1	59.3	21.6	14.3
Kelulusan pinjaman	159.2	43.3	47.5	48.3	11.3	38.0	10.3	11.6
Pengeluaran pinjaman	217.2	60.9	59.6	64.3	17.7	34.3	3.5	5.6
Bayaran balik pinjaman	187.8	49.6	51.6	54.9	13.9	19.4	8.5	10.7
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	38.6	12.1	14.8	14.2	9.8	9.8	13.3	13.4

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
**Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Baki pinjaman
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2009	S4 09	S3 10	S4 10		
	(RM bilion)				(%)	
Perusahaan perniagaan	**440.0**	**128.1**	**116.5**	**124.5**	**65.9**	**44.6**
Syarikat besar	*296.8*	*87.8*	*81.3*	*84.6*	*44.8*	*30.1*
*PKS**	*143.2*	*38.3*	*35.3*	*39.9*	*21.1*	*14.5*
Sektor terpilih						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	20.9	7.1	4.8	5.3	2.8	2.3
Perlombongan dan kuari	2.3	0.5	0.9	1.2	0.7	0.4
Perkilangan	128.5	34.9	36.1	36.8	19.5	9.4
Pembinaan	40.6	12.2	11.3	11.9	6.3	4.4
Harta tanah	20.7	6.5	6.9	7.5	4.0	4.4
Bekalan elektrik, gas dan air	8.0	2.6	0.9	2.6	1.4	1.3
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	105.5	28.4	30.6	30.9	16.4	7.4
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	22.6	6.8	4.2	4.3	2.3	2.9
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	45.3	12.8	13.0	17.8	9.4	7.1
Isi rumah	217.2	60.9	59.6	64.3	34.1	55.4
Pembelian harta kediaman	55.6	16.8	13.7	15.1	8.0	25.6
Kredit penggunaan	132.6	36.2	38.2	39.9	21.1	20.6
Antaranya:						
Kad kredit	*70.5*	*19.5*	*21.3*	*23.4*	*12.4*	*3.4*
Pembelian kereta penumpang	*32.8*	*8.2*	*9.4*	*9.1*	*4.8*	*12.5*
Lain-lain	29.0	8.0	7.7	9.3	4.9	9.1
Jumlah	**657.2**	**187.0**	**176.1**	**188.8**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pemerolehan dana lebih kukuh dalam pasaran modal

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal pada suku keempat meningkat kepada RM30.5 bilion (S3 10: RM16.8 bilion), didorong oleh aktiviti pemerolehan dana yang lebih kukuh oleh sektor swasta. Dana kasar yang diperoleh melalui terbitan PDS meningkat kepada RM18.3 bilion (S3 10: RM14.4 bilion), dan digunakan terutamanya untuk pembiayaan semula (48.4% daripada jumlah dana yang diperoleh) dan modal kerja. Sama seperti suku sebelumnya, sebahagian besar terbitan dilaksanakan oleh syarikat dalam sektor kewangan. Dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti melonjak kepada RM14.7 bilion, disebabkan oleh satu IPO besar berjumlah RM12.5 bilion oleh sebuah syarikat dalam sektor produk perindustrian.

Dalam sektor awam, dana kasar sebanyak RM9.6 bilion diperoleh melalui Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 10 tahun dan pembukaan semula MGS 3 tahun dan 7 tahun. Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor awam pada suku keempat berjumlah RM7.1 bilion (S3 10: RM8.9 bilion).

Kadar hasil jangka panjang meningkat

Susulan pengumuman Bajet 2011 pada 15 Oktober, kadar hasil MGS bagi tempoh matang yang lebih panjang meningkat pada suku terakhir 2010 terutamanya berlandaskan jangkaan terbitan hutang yang lebih besar dan prospek ekonomi yang positif. Kadar hasil MGS 5 tahun dan 10 tahun masing-masing mencatat peningkatan sebanyak 14 dan 41 mata asas. Walau bagaimanapun, kadar hasil jangka pendek sebahagian besarnya tidak terjejas. Kadar hasil MGS 1 tahun dan 3 tahun masing-masing mencatat penurunan kecil sebanyak 5 dan 4 mata asas. Berikutan itu, tanda aras keluk kadar hasil MGS lebih curam pada suku keempat.

Dalam pasaran PDS, kadar hasil bagi bon korporat 5 tahun terus stabil meskipun tanda aras kadar hasil MGS 5 tahun meningkat. Kertas penarafan AAA mencatat kenaikan

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2009		2010		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**5.6**	**57.8**	**8.9**	**7.1**	**37.0**
Sekuriti kerajaan, *bersih*	5.7	53.3	9.0	7.1	34.9
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*13.5*	*61.3*	*9.9*	*6.6*	*37.7*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*3.5*	*28.5*	*6.0*	*3.0*	*21.0*
Tolak: Penebusan	*11.4*	*36.5*	*7.0*	*2.5*	*23.9*
Bon Khazanah, *bersih*	-	(2.4)	-	-	-
Bon Simpanan, *bersih*	(0.1)	6.9	(0.1)	(0.1)	2.2
Oleh Sektor Swasta	**24.0**	**52.6**	**7.9**	**23.4**	**50.5**
Saham	13.2	26.0	2.1	14.7	32.1
Sekuriti hutang, *bersih*	10.8	26.5	5.8	8.7	18.4
Sekuriti Hutang Swasta	*16.4*	*58.6*	*14.4*	*18.3*	*52.1*
Tolak: Penebusan	*5.6*	*32.0*	*8.6*	*9.6*	*33.8*
Jumlah	**29.6**	**110.3**	**16.8**	**30.5**	**87.5**

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



¹ Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas
* Termasuk modal kerja dan aktiviti perniagaan am

Sumber: Bank Negara Malaysia

Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

kecil sebanyak 1 mata asas, manakala kertas penarafan A mencatat penurunan kecil sebanyak 5 mata asas. Kadar hasil kertas penarafan AA tidak berubah pada suku itu.

Urus niaga sekunder

Jumlah urus niaga dalam pasaran bon sekunder menurun kepada RM158 bilion pada suku keempat (S3 10: RM179 bilion). Oleh itu, nisbah mudah tunai merentas semua segmen merosot, dengan segmen MGS, GII dan PDS masing-masing mencatat nisbah mudah tunai 0.43, 0.30 dan 0.07.

KLCI terus meningkat pada suku keempat

FBM KLCI ditutup lebih tinggi pada suku keempat pada 1,518.91 mata (sejak S3 10: 3.8%), disokong oleh keyakinan pelabur berikutan pengumuman Kerajaan mengenai projek utama dalam Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme, ETP). Pasaran ekuiti dalam negeri turut disokong oleh keuntungan dalam sektor perladangan berikutan kenaikan harga minyak sawit mentah. Pasaran ekuiti serantau, termasuk Malaysia, dirangsang oleh jangkaan dan kemudiannya pelaksanaan pelonggaran kuantitatif pusingan kedua oleh Federal Reserve AS. Permodalan pasaran meningkat kepada RM1.28 trilion pada akhir bulan Disember 2010 (S3 10: RM1.15 trilion), manakala urus niaga purata harian pada suku itu lebih tinggi pada 1.28 bilion unit (S3 10: 0.92 bilion unit).

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Bon Korporat 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada Tahun 2010 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2009				2010					
	S4		Tahun		S3		S4		Tahun	
	bilion unit	RM bilion	bilion unit	RM bilion	bilion unit	RM bilion	bilion unit	RM bilion	bilion unit	RM bilion
Urus niaga	57.7	76.2	248.1	302.8	58.0	93.4	79.1	124.2	268.0	413.0
Antaranya:										
Papan Utama	48.3	73.7	210.4	292.7	49.3	91.7	65.7	121.1	225.5	403.3
Antaranya										
Produk Pengguna	3.8	3.8	11.3	14.5	4.2	5.0	3.6	5.5	15.3	19.3
Produk Industri	10.1	9.5	44.5	36.0	8.9	9.9	15.4	22.7	47.6	58.9
Pembinaan	2.5	4.7	15.7	22.4	4.5	8.5	4.5	8.7	16.4	29.0
Dagangan/Khidmat	15.4	27.7	70.5	105.6	15.1	34.5	19.3	40.0	68.2	140.2
Kewangan	4.2	15.1	17.1	56.6	3.5	18.7	4.6	22.7	17.7	86.2
Harta Benda	4.6	3.5	29.3	19.4	6.7	4.6	11.5	8.8	33.1	21.6
Perladangan	1.1	4.4	5.9	21.6	1.0	5.1	2.3	7.9	6.1	25.5
Infrastruktur	1.6	1.8	5.7	10.3	1.8	2.2	1.7	2.4	5.8	8.9
Papan Kedua[1]	-	-	10.8	4.0	-	-	-	-	-	-
Mesdaq[2]	5.6	1.4	16.7	3.4	4.1	0.6	5.6	1.3	20.3	3.9

[1] Mulai 3 Ogos 2009, FTSE Papan Kedua telah digabungkan dengan Papan Utama dan dinamakan Pasaran Utama
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Pada 18 Januari 2011, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,570.04 mata (sejak akhir tahun 2010: +3.37%) dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.33 trilion (sejak akhir tahun 2010: +4.01%).

Prestasi ringgit bercampur-campur pada suku keempat

Pada suku keempat, ringgit menambah nilai sedikit (+0.1%) berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) kerana penambahan dan penyusutan nilai pada tempoh tersebut telah mengimbangi satu sama lain. Ringgit secara umumnya menyusut nilai pada bulan Oktober dan November dalam keadaan penghindaran risiko yang lebih tinggi berikutan kebimbangan yang berterusan terhadap masalah hutang kerajaan di Eropah dan ketegangan di Semenanjung Korea. Walau bagaimanapun, ringgit lebih kukuh pada akhir tahun 2010 kerana menambah nilai berbanding dengan dolar AS dan mata wang rakan perdagangan utama negara berikutan keyakinan yang bertambah terhadap prospek pertumbuhan Asia lantas merangsang sentimen pelabur terhadap pasaran kewangan serantau. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan euro (2.9%) dan paun sterling (2.2%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-2.4%). Berbanding dengan mata wang serantau pula, ringgit secara umumnya menyusut nilai dalam julat -0.1% hingga -1.7% kerana faktor khusus

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2009		2010		
	Pada akhir				
	Dis	Tahun	Sep	Dis	Tahun
Indeks harga					
Komposit	1,272.8	1,272.8	1,463.5	1,518.9	1,518.9
FBMEMAS[1]	8,507.6	8,507.6	9,811.6	10,375.0	10,375.0
FTSE Papan Kedua[2]	-	-	-	-	-
Pasaran ACE[3]	4,299.6	4,299.6	3,877.0	4,347.6	4,347.6
Permodalan pasaran (RM bilion)	999.5	999.5	1,150.1	1,275.3	1,275.3
Bilangan syarikat yang disenaraikan	960	960	958	957	957
	Pada tempoh suku				
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	915.2	1,000.2	920.9	1,276.5	1,021.2
Nilai (RM juta)	1,210.3	1,220.9	1,481.7	2,002.5	1,573.9

[1] FBMEMAS mewakili indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, FTSE Papan Kedua telah digabungkan dengan Papan Utama dan dinamakan Pasaran Utama
[3] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

bagi negara-negara tersebut menyebabkan pengukuhan mata wang tersebut berbanding dengan ringgit. Walau bagaimanapun, ringgit menambah nilai sebanyak 0.7% berbanding dengan rupiah Indonesia.

Pada tempoh antara 1 Januari hingga 14 Februari 2011, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (1%) dan yen Jepun (3.3%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-2.5%) dan euro (-1.2%). Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang serantau dalam julat 0.1% hingga 3.1%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan won Korea sebanyak 0.4%.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 Oktober - 30 Disember 2010)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S4 09	S3 10	S4 10	21 Jul 05	S4 09	S3 10
Dolar AS	3.8000	3.4245	3.0875	3.0835	23.2	11.1	0.1
Euro	4.6212	4.9191	4.1979	4.0804	13.3	20.6	2.9
Paun sterling	6.6270	5.5001	4.8892	4.7817	38.6	15.0	2.2
100 yen Jepun	3.3745	3.7076	3.6943	3.7869	-10.9	-2.1	-2.4
Dolar Singapura	2.2570	2.4401	2.3442	2.3859	-5.4	2.3	-1.7
100 baht Thailand	9.0681	10.271	10.151	10.227	-11.3	0.4	-0.7
100 peso Filipina	6.8131	7.4196	7.0254	7.0400	-3.2	5.4	-0.2
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0364	0.0346	0.0344	12.4	6.0	0.7
100 won Korea	0.3665	0.2937	0.2706	0.2707	35.4	8.5	-0.1
Renminbi China	0.4591	0.5016	0.4615	0.4662	-1.5	7.6	-1.0

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

PERKEMBANGAN DALAM SEKTOR PERBANKAN DAN INSURANS

Kedudukan sektor kewangan stabil sepanjang suku keempat, disokong oleh institusi kewangan yang kukuh dan pasaran kewangan yang berfungsi dengan baik yang terus menyokong pengantaraan kewangan dalam ekonomi dalam negeri.

Pada 3 November 2010, Bank mengumumkan pelaksanaan nisbah maksimum *loan-to-value* (LTV) sebanyak 70% bagi kemudahan pembiayaan rumah ketiga oleh seseorang peminjam. Pelaksanaan nisbah LTV bertujuan untuk menyokong pasaran harta tanah yang stabil dan mampan, dan memastikan orang ramai akan terus mampu untuk membeli rumah.

Perkembangan dalam sektor perbankan

Sektor perbankan terus berdaya tahan, dengan penampan modal yang kukuh, keberuntungan yang mampan, kualiti pinjaman yang stabil dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Portfolio pembiayaan adalah menyeluruh dan pembiayaan yang diberikan kepada isi rumah, serta perusahaan kecil dan sederhana masing-masing mencakupi 55.4% dan 14.5% daripada jumlah pembiayaan terkumpul.

Sistem Perbankan

	2009	2010	
	S4	S3	S4
Kedudukan modal			
Aset wajaran risiko (RM bilion)	928.5	993.3	1,017.9
Modal asas (RM bilion)	142.6	146.5	148.3
Nisbah modal wajaran risiko (%)	15.4	14.7	14.6
Nisbah modal teras (%)	13.8	13.2	12.8
Keuntungan sebelum cukai (RM juta)	**5,195.5**	**5,858.8**	**5,671.4**
Pulangan atas ekuiti tahunan (%)	14.0	16.6	16.5
Pulangan atas aset tahunan (%)	1.2	1.6	1.5

Sumber: Bank Negara Malaysia

Permodalan sistem perbankan kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing pada 14.6% dan 12.8%. Kira-kira 78% daripada jumlah modal terdiri daripada modal Tahap 1 yang berkualiti tinggi, terutamanya dalam bentuk modal berbayar dan rizab. Lebihan modal yang melebihi keperluan minimum 8% berjumlah lebih RM60 bilion.

Sistem Perbankan: Pinjaman Tak Berbayar (NPL)[1]

	2009	2010	
	S4	S3	S4
NPL bersih (RM juta)	13,787.9	17,425.7	17,231.2
	%		
Nisbah NPL bersih	1.8	2.1	2.0
Nisbah NPL kasar	3.7	3.3	3.1
Perniagaan besar	4.2	4.8	4.4
Perusahaan kecil & sederhana	5.4	4.9	4.5
Isi rumah	3.1	2.4	2.3

[1] Mulai bulan Januari 2010, pinjaman dilaporkan berdasarkan *Financial Reporting Standards* (FRS) 139. Keperluan penggunaan FRS 139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank. Bagi bank yang telah menggunakan FRS 139, paras NPL mencerminkan pinjaman terjejas.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM5.7 bilion pada suku keempat (S3 10: RM 5.9 bilion), disokong oleh hasil yang berterusan daripada aktiviti berkaitan pembiayaan. Pulangan aset dan ekuiti purata masing-masing adalah 1.5% (S3 10: 1.6%) dan 16.5% (S3 10: 16.6%).

Kualiti pinjaman kekal stabil, berikutan insiden baharu bagi pinjaman terjejas berkurang sedikit dan hapus kira yang berhemat pada suku tersebut. Oleh itu, paras NPL bersih (termasuk pembiayaan terjejas) meningkat sedikit untuk mencakupi 2% daripada jumlah pinjaman. Di samping itu, paras pinjaman tertunggak yang kurang dari 3 bulan meningkat sedikit untuk mencakupi 4.2% daripada jumlah pinjaman. Sejajar dengan itu, perlindungan kerugian pinjaman menjadi lebih kukuh kepada 99.5% (S3 10: 97%).

Sistem perbankan terus mempunyai mudah tunai yang lebih daripada mencukupi pada suku keempat. Penampan mudah tunai bagi kelompok kematangan sehingga satu minggu dan satu bulan masing-masing pada 16.6% dan 16% daripada jumlah deposit (S3 10: 18.8% dan 19.2%). Tahap ini cukup untuk memenuhi permintaan terhadap pengeluaran deposit dan obligasi mudah tunai lain. Nisbah pinjaman berbanding deposit stabil pada 81.4% (S3 10: 81.2%).

Perkembangan dalam sektor insurans dan takaful

Sektor insurans dan takaful kekal berdaya tahan, dengan Nisbah Kecukupan Modal yang kukuh pada 225.7% (S3 10: 222.7%) dan lebihan modal sebanyak RM18.5 bilion. Lebihan pendapatan berbanding dengan perbelanjaan bagi penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga mencatat sedikit penurunan kepada RM3.1 bilion (S3 10: RM5 bilion) pada suku keempat kerana keuntungan modal lebih rendah dalam keadaan manfaat polisi bersih yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, pada asas tahunan, jumlah keuntungan mencatat peningkatan sebanyak 12.6% kepada RM14.1 bilion (2009: RM12.5 bilion) disebabkan oleh keuntungan modal yang bertambah baik dan pendapatan premium bersih yang lebih tinggi. Caruman premium perniagaan baharu berkembang sebanyak 12.5% kepada RM2.7 bilion (S3 10: RM2.4 bilion) disebabkan oleh pertumbuhan yang berterusan dalam perniagaan berkaitan pelaburan.

Industri insurans am dan takaful turut mencatat keuntungan lebih baik kepada RM0.56 bilion (S3 10: RM0.51 bilion), disokong oleh hasil daripada perniagaan kemalangan motor dan diri yang lebih tinggi. Nisbah tuntutan keseluruhan adalah pada 62.8%, dan segmen motor yang dominan, yang menyumbangkan kira-kira 50% daripada jumlah hasil premium, terus menunjukkan nisbah kerugian yang ketara lebih tinggi sebanyak 79.6% (secara relatif kepada tuntutan keseluruhan). Ini disebabkan terutamanya oleh insurans motor pihak ketiga.

Sektor Insurans dan Takaful: Keuntungan[a]

	2009		2010		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM juta				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	3,165.8	12,522.7	5,064.1	3,140.8	14,095.0
Insurans dan takaful am					
Keuntungan operasi	826.4	2,097.4	514.4	557.7	514.4

[a] Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Mesyuarat Tahunan Ahli *Institute of International Finance* 2010: 'Asia Tenggara: Potensi dan Perspektif dalam Asia Baharu' Washington D.C., 8 Oktober 2010

Ucapan Majlis Makan Tengah Hari oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor Bank Negara Malaysia

Usaha menjana pertumbuhan dan pemulihan yang berpanjangan merupakan keutamaan tertinggi bagi ekonomi global ekoran krisis yang melanda baru-baru ini. Sokongan intensif yang disediakan untuk mengelakkan kemelesetan yang lebih teruk sepatutnya hanya sementara – bagi membolehkan pelaksanaan inisiatif untuk menangani kelemahan dalam sistem dan membina semula kapasiti bagi pemulihan yang berterusan. Tanda-tanda yang muncul baru-baru ini menunjukkan bahawa prospek tersebut masih belum tercapai. Namun demikian, ekonomi sedang pesat membangun telah menunjukkan prestasi yang baik dan berpotensi untuk menghasilkan pemulihan yang berterusan. Perkembangan ini telah menarik minat yang besar terhadap ekonomi Asia yang sedang pesat membangun selain perhatian kepada perubahan peranan kelompok negara tersebut dalam ekonomi global dan sistem kewangan antarabangsa.

Saya berasa bangga dan berbesar hati untuk berucap pada Mesyuarat Tahunan Ahli *Institute of International Finance* (IIF) 2010 ini. Ucapan saya hari ini akan tertumpu pada cabaran dalam menguruskan pemulihan yang berterusan, dengan tumpuan khusus pada potensi rantau Asia yang sedang pesat membangun untuk bangkit menghadapi cabaran ini dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global yang baharu. Saya akan mengakhiri ucapan ini dengan menyentuh mengenai perubahan yang berlaku dalam persekitaran kewangan antarabangsa dari perspektif Asia yang sedang pesat membangun.

Apabila pertumbuhan di negara maju menjadi perlahan akibat faktor strukturnya, persoalan yang timbul ialah adakah persekitaran global yang semakin saling bergantung ini akan menjejaskan prospek ekonomi Asia yang sedang pesat membangun? Asia terdiri daripada ekonomi yang pelbagai sifatnya. Asia Tenggara, dengan jumlah penduduk yang melebihi 500 juta orang dan terletak secara strategik di selatan China dan timur India, telah menjadi pusat perdagangan penting yang menghubungkan Asia dengan Barat sejak abad ke-13 lagi. Sebagai ekonomi paling terbuka di Asia, dan mungkin juga di dunia, Asia Tenggara amat mudah terjejas oleh perkembangan global.

Sungguhpun rangsangan ekonomi amat penting untuk membendung krisis, ia tidak memadai untuk menjana pemulihan yang kukuh lagi berterusan. Cabaran yang dihadapi ialah penstrukturan semula dan transformasi ekonomi, selain reformasi dan pembangunan semula keupayaan institusi untuk kekal berkesan dalam persekitaran baharu dan berada pada kedudukan yang kukuh untuk menangani kejutan pada masa hadapan.

Ketika ekonomi sedang pesat membangun di Asia melalui proses peralihan ke era pasca krisis, tiga peralihan struktur yang penting sedang mengubah rantau ini. Pertama, penstrukturan semula ekonomi dan strategi untuk mendapatkan sumber pertumbuhan yang lebih seimbang. Usaha ini telah melibatkan perubahan ketara terhadap bidang yang mempunyai faedah berbanding baharu dan juga bidang pertumbuhan baharu, serta penekanan lebih besar terhadap permintaan dalam negeri sebagai pendorong pertumbuhan. Dengan eksport terus menjadi sektor yang penting, corak perdagangan telah berubah dengan ketara berikutan bertambah pentingnya perdagangan dengan ekonomi sedang pesat membangun amnya, dan dengan Asia, khususnya.

Faktor yang mungkin paling penting dalam beberapa dekad ini, yang telah berjaya mengekalkan pencapaian ekonomi sedang pesat membangun di Asia ialah fleksibiliti ekonominya untuk disesuaikan dengan persekitaran global yang berubah-ubah. Fleksibiliti ekonomi ini disokong oleh tingginya tahap mobiliti tenaga kerja dan modal dalam ekonomi negara-negara tersebut dan juga pelaburan yang besar dalam bidang pendidikan dan pembangunan infrastruktur. Rantau ini juga telah menerima pakai pendekatan pragmatik bagi dasar-dasar yang tidak dikekang oleh ideologi tegar. Dalam dekad baru-baru ini, pembangunan institusi, reformasi kewangan yang meluas, dan penggunaan model perniagaan baharu telah menjadi komponen penting dalam proses transformasi ini.

Beberapa ekonomi sedang pesat membangun di Asia telah membuat transformasi kapasiti pengeluaran sektor perkilangan dan perkhidmatan untuk memenuhi perubahan dalam permintaan ekonomi global dan juga pasaran pengguna di Asia yang semakin luas. Memandangkan tahap pembangunan dan sumber-sumber semula jadi dalam rantau ini adalah berbeza, ekonomi sedang pesat membangun di Asia juga telah memanfaatkan faedah berbanding masing-masing yang unik. Ini telah menghasilkan pembahagian tenaga kerja dan pengkhususan dalam rantau, serta keupayaan untuk melaksanakan seluruh spektrum rantaian bekalan bagi pelbagai produk dan perkhidmatan.

Sebahagian daripada penstrukturan semula ekonomi melibatkan penekanan yang lebih besar terhadap permintaan dalam negeri sebagai sumber pertumbuhan yang penting. Ini melibatkan aktiviti penggunaan domestik swasta dan pelaburan yang lebih aktif. Paras pendapatan yang semakin meningkat dan struktur demografi muda yang amat cenderung berbelanja telah mewujudkan pasaran pengguna yang besar serta pembangunan sektor runcit moden yang meluas merentas rantau. Potensi bagi trend ini untuk berterusan juga disokong dengan tiadanya trend inflasi, kadar pengangguran yang tinggi, atau paras keberhutangan yang tinggi.

Trend asas kedua ialah integrasi ekonomi dan kewangan serantau yang kian pesat. Ini telah dibantu oleh kemampuan untuk memanfaatkan kesalinghubungan dalam rantau ini yang terhasil daripada kepelbagaian dan perbezaan dalam faedah berbanding masing-masing. Perdagangan dalam rantau ini telah menjadi penyumbang utama kepada pemulihan di Asia baru-baru ini. Aliran pelaburan dalam rantau ini juga semakin meningkat. Aktiviti perniagaan dalam rantau ini semakin giat memanfaatkan elemen saling melengkapi serantau dan merebut peluang daripada pasaran dalam rantau ini yang semakin berkembang melalui perjanjian perdagangan serantau untuk merealisasikan aspirasi ASEAN untuk menjadi Komuniti Ekonomi menjelang tahun 2015.

Sebagai ekonomi yang mempunyai tabungan yang tinggi, sememangnya diakui bahawa amat perlu bagi pengantaraan untuk menjadi lebih cekap bagi menggembleng dana lebihan yang terdapat dalam rantau ini. Ini tidak terhad kepada penyaluran dana secara berkesan kepada peluang pelaburan yang produktif dalam rantau ini, tetapi juga untuk pembiayaan pembangunan infrastruktur secara besar-besaran yang diperlukan oleh rantau ini. Sebagai mencerminkan sebahagian daripada integrasi kewangan serantau yang meningkat, kini terdapat kewujudan serta penyertaan serantau yang lebih ketara dalam sistem kewangan domestik rantau ini. Fenomena ini disokong oleh liberalisasi kewangan yang progresif, pembangunan pasaran kewangan domestik, penggunaan mata wang domestik yang lebih meluas untuk memudahkan aktiviti perdagangan dua hala, serta pembangunan sistem pembayaran dan penyelesaian.

Integrasi ekonomi dan kewangan serantau juga diperkukuh oleh tahap kerjasama serantau yang lebih tinggi. Sebelum ini, kerjasama serantau banyak tertumpu pada perdagangan, pelaburan dan pembangunan. Namun, dekad ini menyaksikan bentuk kerjasama telah beralih kepada usaha menangani isu-isu kestabilan kewangan, termasuk pengawasan, pengurusan krisis, pengaturan sokongan mudah tunai, penyeliaan kewangan dan pembangunan pasaran kewangan.

Pendekatan yang akan digunakan untuk memperkuat integrasi kewangan di Asia adalah berbeza daripada kaedah yang digunakan di Eropah. Ini kerana rantau Asia tidak mempunyai institusi berpusat untuk menyelaraskan integrasi kewangan tetapi sebaliknya memanfaatkan perkumpulan dan rangkaian dalam rantau yang sedia ada untuk membentuk kerjasama dan kolaborasi yang lebih erat dalam bidang-bidang kepentingan bersama. Rantau ini juga mempunyai jawatankuasa kestabilan monetari dan kewangannya sendiri yang disokong oleh pengaturan pengawasan serantau bagi mengenal pasti risiko dan ancaman kepada rantau ini. Selain itu, terdapat juga rangka kerja pengurusan krisis bersepadu yang akan beroperasi sekiranya tanda-tanda krisis kewangan mulai muncul di rantau ini. Baru-baru ini rantau ini berjaya menubuhkan dua skim pengumpulan rizab, iaitu Dana Bon Asia dan Perjanjian Swap Mata Wang Multilateralisasi ASEAN+3 Chiang Mai untuk menyediakan kemudahan sokongan mudah tunai.

Sambil sistem ekonomi dan kewangan di Asia melaksanakan transformasi, dan integrasi rantau ini menjadi lebih bersepadu dan erat, perkembangan ini bukan sahaja telah meningkatkan potensi rantau ini untuk menyumbang kepada pertumbuhan global bahkan turut meningkatkan daya tahan serantau, sekali gus meningkatkan sumbangan rantau ini kepada kestabilan kewangan global. Kesemua perkembangan ini menyokong usaha di peringkat global yang dijalankan oleh pelbagai pertubuhan antarabangsa dan agensi pelbagai hala dalam usaha mencari penyelesaian untuk mencapai kestabilan kewangan global dan pertumbuhan yang berterusan.

Peralihan daripada G7 kepada G20 diakui sebagai langkah ke hadapan yang positif yang telah pun melangkaui dunia maju. Akan tetapi perwakilan dalam G20 adalah berdasarkan saiz ekonomi dan bukannya oleh perwakilan daripada kumpulan negara tertentu. Lantaran itu, jangkauan dan rangkumannya adalah terhad, dan negara-negara membangun yang kecil dan sederhana bukan merupakan sebahagian daripada proses ini. Namun, G20 masih merupakan forum global yang penting untuk membincangkan dan mempertimbangkan isu-isu global dan akan memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju dasar global. Sebelum ini, kesepaduan, keprihatinan dalam tujuan serta tindakan segera G20 sebenarnya telah menyumbang kepada usaha untuk memulihkan keyakinan terhadap sistem kewangan global, dan dasar rangsangan terselaras pula menjadi pemangkin penting untuk pemulihan ekonomi. Namun, dalam beberapa bulan kebelakangan ini, momentum untuk tindakan terselaras ini semakin menurun dan pendirian terhadap beberapa isu penting juga berbeza. Pada masa yang sama, beberapa negara yang teruk dilanda krisis telah melaksanakan rancangan reformasi kewangan mereka sendiri. Memandangkan implikasi mana-mana agenda reformasi adalah besar, adalah menjadi tanggungjawab global yang penting untuk memastikan reformasi akan mencapai hasil yang diinginkan, dan fasa baharu globalisasi akan mewujudkan sistem kewangan antarabangsa yang lebih inklusif bagi membolehkan penyertaan yang efektif dalam ekonomi global dan sistem kewangan antarabangsa, tanpa mengira saiz mahupun tahap pembangunan.

Sehubungan dengan reformasi pengawalseliaan yang khusus untuk menangani isu dan masalah yang mencetuskan krisis, apa yang penting ialah matlamat reformasi tersebut tidak harus diabaikan – iaitu menggalakkan kestabilan kewangan dalam mencapai matlamat, dengan tujuan utamanya untuk mencapai pertumbuhan dan pembangunan yang mapan. Ramai yang telah membangkitkan mengenai potensi kenaikan kos pengawalseliaan terhadap aktiviti pengantaraan dan seterusnya aktiviti ekonomi. Malah faktor ini lebih relevan di Asia yang banyak bergantung kepada sektor perbankan untuk pembiayaan. Usaha yang diambil untuk membuat penilaian yang komprehensif mengenai kesan makroekonomi, termasuk oleh IIF, adalah sangat relevan dan penting bagi proses reformasi.

Satu lagi kebimbangan yang timbul tetapi kurang dibincangkan ialah pelaksanaan reformasi pengawalseliaan. Dengan mobiliti modal merentas sempadan yang lebih tinggi, peraturan yang lebih ketat boleh menyebabkan perniagaan kewangan berpindah ke segmen pasaran, institusi atau pusat kewangan yang kurang dikawal selia. Sehubungan dengan ini, penting untuk membangunkan rangka kerja penyelarasan dasar dan resolusi merentas sempadan. Di Asia, usaha sedang dilaksanakan untuk menangani isu-isu khusus ini, dengan kesedaran bahawa dalam persekitaran yang saling berhubung kait ini, pelaksanaan langkah-langkah pemulihan dan pembendungan akan menjadi sangat rumit dan mencabar. Tumpuan juga diberikan pada usaha untuk meningkatkan pengawasan dan pemantauan yang dilengkapi rangka kerja yang mantap bagi tadbir urus, ketelusan dan kebertanggungjawaban.

Memandangkan terdapat banyak institusi antarabangsa di rantau Asia, kami mempunyai kepentingan yang besar dalam pembentukan mekanisme resolusi merentas sempadan yang berkesan agar sebarang kegagalan institusi yang besar dan penting dari segi sistemik yang mempunyai perwakilan merentas sempadan, akan dapat ditangani dengan berkesan dan teratur. Ini memerlukan kerjasama dan koordinasi merentas negara, dengan mengambil kira peraturan dan sistem perundangan negara yang berbeza-beza.

Satu lagi keutamaan bagi rantau Asia yang sedang pesat membangun ialah usaha untuk menggalakkan amalan pasaran yang bertanggungjawab dan perlindungan pengguna berdasarkan tahap pembangunan dan celik kewangan. Terdapat skop yang luas untuk mewujudkan momentum global yang lebih pesat bagi meningkatkan standard pengawalseliaan terhadap amalan pasaran.

Masih banyak lagi tugas yang perlu dilaksanakan pada masa hadapan dan ini memerlukan azam dan komitmen dalam agenda reformasi ini. Proses global yang lebih inklusif amat penting dalam usaha ini dan perlu diperdalam untuk benar-benar mencerminkan dimensi sistem kewangan global dalam abad ke-21 ini.

Dalam perdebatan yang hangat baru-baru ini berkaitan dengan peranan kadar pertukaran sebagai penyelesaian bagi ketidakseimbangan global, perlu diketahui bahawa pasaran pertukaran asing tidak seperti pasaran lain. Dengan nilai urus niaga hariannya mencecah sehingga USD4 trilion, ia merupakan pasaran paling cair dan dinamik di dunia. Ia merupakan pasaran yang mudah terjejas oleh pergerakan yang berlebihan dan keterlaluan. Sebarang usaha untuk membuat pelarasan yang besar terhadap kadar pertukaran dalam masa yang singkat mempunyai risiko untuk menyebabkan ketidakstabilan yang amat ketara. Ketidakseimbangan global yang berlaku sejak beberapa tahun yang lalu perlu ditangani melalui kombinasi pelarasan dalam permintaan, harga dan kadar pertukaran. Terlalu bergantung kepada kadar pertukaran untuk membuat pelarasan bukan sahaja tidak akan menjana hasil yang diharapkan, bahkan berisiko menjadi pencetus ketidakstabilan dan krisis akan datang.

Perkembangan terakhir yang ingin saya nyatakan ialah mengenai pembangunan kewangan Islam global dan peranannya yang semakin meningkat dalam memperkuat hubungan ekonomi dan kewangan global, khususnya dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun. Hakikatnya, kewangan Islam adalah mengenai perbankan asas yang sentiasa berlandaskan aktiviti ekonomi sebenar. Ciri-ciri perkongsian keuntungannya membolehkan risiko dikongsi dan sekali gus memerlukan usaha wajar, penzahiran dan ketelusan, serta pengurusan risiko dan tadbir urus yang baik. Industri ini juga disokong kukuh oleh standard pengawalan dan penyeliaan yang ditetapkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB). Meskipun fokus IFSB adalah supaya peraturan yang dibuat adalah sejajar dengan perkembangan dalam sistem kewangan, penekanan juga

diberikan terhadap pengawasan penyeliaan, bina upaya, dan pembangunan institusi dan infrastruktur kewangan yang merupakan antara usaha untuk memastikan kestabilan kewangan. Perkembangan terkini yang paling nyata ialah penubuhan Perbadanan Pengurusan Mudah Tunai Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) yang akan menerbitkan instrumen jangka pendek Islam berpenarafan tinggi untuk memudahkan pengurusan mudah tunai yang lebih cekap bagi pelaburan merentas sempadan.

Cabaran-cabaran global memerlukan pendekatan bersepadu untuk memperkuat prospek pemulihan global. Langkah seterusnya juga adalah untuk mengetahui kekuatan relatif bahagian-bahagian dunia yang berbeza dan potensi untuk memanfaatkan kekuatan tersebut. Transformasi Asia dalam persekitaran baharu ini menawarkan prospek tanggungjawab bersama yang lebih besar ke arah mencapai kemakmuran bersama yang lebih meluas di seluruh dunia.

Majlis Makan Tengah Hari Mesyuarat Tahunan Tabung Kewangan Antarabangsa-Bank Dunia (IMF-World Bank) "Kewangan Islam: Agenda untuk Pertumbuhan dan Pembangunan Seimbang" Washington D.C., 10 Oktober 2010

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor Bank Negara Malaysia

Agenda pertumbuhan dan pembangunan kini merupakan agenda utama bagi ekonomi dunia. Dalam ekonomi maju, usaha untuk menjana pemulihan yang berterusan berikutan natijah krisis kewangan global yang belum pernah dialami sebelum ini dibebani oleh keperluan untuk menangani beberapa cabaran struktur yang akan meninggalkan kesan terhadap keteguhan pemulihan tersebut. Dalam fasa baharu globalisasi ini, ketika kesalingbergantungan ekonomi dan kewangan adalah lebih pesat, agenda pertumbuhan dan pembangunan dalam ekonomi yang sedang pesat membangun (emerging economies) dan yang sedang membangun (developing economies) kini menjadi lebih mencabar.

Pada hakikatnya, krisis global telah menunjukkan betapa pentingnya peranan sistem kewangan yang berfungsi dengan cekap untuk mencapai pemulihan ekonomi yang kukuh lagi berterusan. Krisis tersebut telah mendorong masyarakat antarabangsa mengambil langkah usaha sama yang intensif bagi melaksanakan pembaharuan kewangan yang menyeluruh dan berkesan. Komitmen ini bertujuan untuk mencari satu penyelesaian agar sistem kewangan dapat berfungsi dengan lebih cekap bagi menyokong sektor ekonomi benar, iaitu sistem kewangan yang teguh dan berdaya tahan serta tidak mudah terjejas oleh krisis kewangan.

Kewangan Islam, sebagai satu bentuk pengantaraan kewangan yang pesat berkembang, telah menunjukkan daya tahannya semasa krisis kewangan global dan mempunyai serba potensi untuk memajukan agenda pertumbuhan dan pembangunan. Saya amat berbesar hati apabila diundang untuk berucap dalam majlis makan tengah hari Kumpulan Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank Group) yang diadakan bersempena dengan Mesyuarat Tahunan Tabung Kewangan Antarabangsa-Bank Dunia (IMF-World Bank) 2010 di Washington D.C. ini. Pada petang ini, saya akan berbicara tentang perkembangan sistem kewangan Islam sejak akhir-akhir ini serta peranannya sebagai satu bentuk pengantaraan kewangan yang berkesan dan berdaya saing dalam agenda pertumbuhan dan pembangunan. Saya juga akan membincangkan peranan kewangan Islam yang semakin penting untuk mengukuhkan hubungan ekonomi dan kewangan antarabangsa dalam ekonomi global, terutama sekali dalam kalangan negara sedang pesat membangun dan sedang membangun, dan dengan itu meningkatkan potensi untuk mencapai kemajuan dan kemakmuran yang lebih meluas dan dapat dikongsi bersama.

Sebagai satu bentuk pengantaraan kewangan, terdapat beberapa elemen dalam kewangan Islam yang menjadi panduan kepada proses penggemblengan dan pengagihan dana untuk menjana aktiviti ekonomi yang produktif dan pembangunan yang inklusif. Asas bagi kewangan Islam ialah keperluan bagi sesuatu urus niaga kewangan dijalankan berlandaskan aktiviti ekonomi yang produktif yang akan menjana pendapatan dan kekayaan yang halal. Oleh sebab itu, terdapat hubungan rapat antara urus niaga kewangan dengan aliran produktif. Dengan itu, pertumbuhan aset kewangan Islam secara umumnya akan diikuti dengan pertumbuhan aktiviti asas yang menjana nilai ekonomi.

Elemen-elemen penting ini yang terdapat dalam kewangan Islam meningkatkan keupayaannya untuk menyumbang kepada agenda pertumbuhan dan pembangunan. Pertama, kewangan Islam telah membuktikan

keupayaannya untuk menjadi dinamik dalam memenuhi keperluan pengguna dan perniagaan yang berbeza. Pada peringkat awal pembangunannya, tumpuan kewangan Islam adalah untuk memenuhi permintaan pembiayaan perdagangan. Kini, ia menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan daripada sistem kewangan yang tinggi kepelbagaiannya termasuk penyediaan produk dan perkhidmatan kewangan yang inovatif dan berkualiti tinggi seperti pembiayaan pengguna, pengurusan kekayaan dan berbagai-bagai produk daripada industri Takaful dan pasaran modal Islam. Kewangan Islam juga berkeupayaan dalam memajukan pembiayaan projek dan produk berstruktur jangka panjang untuk membiayai projek berskala besar dan pembangunan infrastruktur.

Faktor kedua yang telah menjamin kemampanan kewangan Islam ialah keupayaannya untuk kekal sebagai satu bentuk pembiayaan yang berdaya saing. Daya saing kewangan Islam amat penting untuk meningkatkan peranannya dalam agenda pertumbuhan dan pembangunan yang terhasil daripada beberapa sebab asas. Memandangkan instrumen kewangan Islam perlu berasaskan aktiviti ekonomi, dan instrumen tersebut sememangnya mempunyai potensi untuk membawa pulangan nyata kepada pelabur, dengan itu kewangan Islam telah mewujudkan permintaan yang ketara terhadap produk kewangan yang berlandaskan Syariah. Dalam persekitaran yang amat tidak menentu ketika ini, kedua-dua pelabur dan pengeluar perlu mencari produk dan perkhidmatan kewangan yang mempunyai ketelusan yang lebih tinggi dan pengurusan risiko yang eksplisit. Dalam hal ini, prinsip Syariah melarang aktiviti leveraj dan spekulasi kewangan yang berlebihan serta tidak menggalakkan pendedahan risiko yang keterlaluan.

Daya tahan merupakan aspek ketiga kemampanan kewangan Islam. Krisis kewangan global baru-baru ini yang belum pernah dialami dalam sejarah moden, telah menonjolkan dan mengetengahkan berbagai-bagai isu mengenai kekukuhan dan kestabilan sistem kewangan. Pembaharuan dalam pengawalseliaan dan arkitektur kewangan antarabangsa merupakan sebahagian daripada usaha komuniti antarabangsa dalam menangani pelbagai kelemahan yang menjadi punca tercetusnya krisis tersebut. Walau bagaimanapun, kejelasan objektif yang ingin dicapai amat penting dalam sebarang usaha pembaharuan. Hakikatnya diakui bahawa kestabilan kewangan amat penting dalam memastikan kemampanan fungsi pengantaraan. Walau bagaimanapun isu yang dibahaskan adalah sama ada pengawalseliaan yang sebegitu ketat akan meningkatkan kos pengawalseliaan kewangan dan seterusnya menjejaskan agenda pertumbuhan dan pembangunan.

Dalam kewangan Islam, kestabilan kewangan telah ditangani melalui tiga aspek. Pertama, kewangan Islam mempunyai sekatan dan imbangan dalamannya yang tersendiri. Tawaran nilainya dari segi perkongsian keuntungan dan risiko memerlukan usaha wajar (due diligence), penzahiran dan ketelusan yang bersesuaian. Oleh itu, ciri-ciri dalaman kewangan Islam menekankan aspek tadbir urus dan pengurusan risiko. Peranan Jawatankuasa Syariah adalah untuk memastikan semua aspek operasi perniagaan institusi Islam berlandaskan prinsip Syariah. Dengan itu, satu lagi tahap pengawasan diwujudkan yang secara dalaman melindungi amalan-amalan yang tidak bertanggungjawab. Hal ini amat penting untuk memastikan bahawa inovasi pada kadar yang pantas dalam persekitaran semasa menyumbang terhadap sektor ekonomi benar dan masyarakat.

Faktor kedua yang menyumbang kepada peningkatan keteguhan sistem kewangan Islam ialah penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) pada tahun 2002. Lembaga ini merupakan institusi antarabangsa penting yang menetapkan piawaian kehematan untuk kewangan Islam, termasuklah piawaian untuk kecukupan modal, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat dengan mengambil kira risiko khusus yang terdapat dalam kewangan Islam. Sementara rejim pengawalseliaan sentiasa mengawasi perubahan dramatik yang

telah mentransformasikan landskap ekonomi dan kewangan antarabangsa, pengukuhan tahap daya tahannya yang berterusan merupakan faktor utama bagi perkembangan industri perkhidmatan kewangan Islam dalam persekitaran baharu ini.

Pada awal tahun ini, Lembaga Tadbir Urus IFSB telah mengesahkan laporan bebas oleh Bank Pembangunan Islam (IDB) dan IFSB yang telah mencadangkan lapan syor dan dua daripada syor tersebut sedang dilaksanakan. Syor pertama ialah penubuhan Forum Kestabilan Kewangan Islam (Islamic Financial Stability Forum, IFSF) sebagai platform untuk mewujudkan dialog merentas sempadan antara pengawal selia dalam usaha memastikan kestabilan sistem kewangan Islam. Objektif IFSF adalah untuk membantu pemahaman yang lebih baik mengenai perkembangan yang sedang berlaku dalam sistem kewangan Islam dan implikasinya terhadap kestabilan kewangan negara dan global. Syor kedua ialah pembangunan infrastruktur pengurusan mudah tunai untuk memudahkan aliran kewangan merentas sempadan. Ini merupakan kejayaan penting dalam kewangan Islam. Ia bukan sahaja menangani isu pengurusan mudah tunai merentas sempadan dengan lebih berkesan, malahan juga meningkatkan daya saing dan menangani isu pengurusan mudah tunai bagi mencapai kestabilan kewangan.

Syor lain melibatkan pengukuhan pengaturan keinstitusian dan infrastruktur kewangan bagi kewangan Islam. Hal ini termasuklah meluaskan parameter piawaian kehematan kepada segmen industri yang lain untuk mengelakkan penghijrahan kepada sektor yang kurang dikawal selia. IFSB kini turut diberikan mandat untuk menetapkan piawaian kehematan bagi sektor takaful dan pasaran modal.

Syor kedua yang lain ialah pengukuhan mekanisme jaring keselamatan yang bersesuaian dengan prinsip Syariah, seperti kemudahan pemberi pinjaman usaha akhir (lender of last resort) dan mekanisme pembiayaan kecemasan serta insurans deposit. Dalam usaha pembaharuan pengawalseliaan oleh komuniti antarabangsa pada masa ini, kesepakatan mengenai rangka kerja penyelesaian belum lagi dicapai. Untuk kewangan Islam, usaha yang diambil adalah selari dan bukan sahaja untuk penyelesaian bagi institusi bermasalah di dalam negeri tetapi juga merentas sempadan.

Syor ketiga lain berkait dengan piawaian perakaunan, pengauditan dan penzahiran untuk meningkatkan pelaporan kewangan dan membolehkan pemantauan dan penilaian institusi kewangan Islam yang efektif. Syor keempat berkait dengan rangka kerja pengawasan kehematan makro untuk menyokong pengawalseliaan kehematan yang tidak dapat menangani sepenuhnya tekanan terhadap keseluruhan sistem kewangan (system-wide stress). Syor kelima berkait dengan pengukuhan proses penarafan dan syor keenam, yang terakhir sekali, berkait dengan pembangunan keupayaan dan pembangunan tenaga mahir agar industri dan pengawal selia dilengkapi sepenuhnya bagi menangani isu dan cabaran dalam persekitaran baharu.

Dalam usaha mencapai penyelesaian yang berkekalan untuk meletakkan sistem kewangan pada asas yang kukuh, isu yang sering kali dibangkitkan ialah kemungkinan kos pengantaraan kewangan akan menjadi lebih tinggi dan akan meninggalkan impak yang tidak seimbang terhadap aktiviti ekonomi. Khususnya, isu tersebut relevan dengan ekonomi sedang pesat membangun dan sedang membangun. Dalam kewangan Islam, untuk mengelak daripada terlampau bergantung pada pengawalseliaan bagi mencapai kestabilan kewangan, strategi yang diambil adalah untuk melengkapkan rangka kerja pengawalseliaan dengan membina keupayaan institusi, bergantung pada dasar lain termasuk langkah kehematan makro, mengukuhkan pengawasan dan meningkatkan keberkesanan dalam pengawasan penyeliaan.

Satu lagi perkembangan penting kewangan Islam akhir-akhir ini ialah dimensi antarabangsanya yang semakin meningkat, didorong oleh minat dan permintaan yang meluas dari pelbagai negara. Pengantarabangsaan kewangan Islam kini

mencetuskan corak aliran kewangan dan perdagangan global baharu. Keadaan ini juga didorong oleh liberalisasi yang progresif dalam ekonomi sedang pesat membangun pada dekad mutakhir ini. Kini terdapat peningkatan penglibatan institusi kewangan Islam yang melangkaui sempadan domestik mereka dan peningkatan penyertaan asing dalam pasaran kewangan domestik Islam. Oleh itu, proses pengantarabangsaan ini mencerminkan integrasi kewangan global yang lebih inklusif kerana memudahkan pembiayaan perdagangan antarabangsa dan aktiviti pelaburan merentas sempadan dalam kalangan negara sedang pesat membangun dan sedang membangun. Gelombang pengantarabangsaan dalam kewangan Islam yang berterusan meskipun berlakunya krisis global baru-baru ini, telah menyumbang kepada aliran pelaburan dan kewangan yang lebih besar antara Asia dengan Timur Tengah, seterusnya menjana prospek pertumbuhan yang saling memperkukuh untuk kedua-dua rantau. Secara khususnya, ini telah menyumbang kepada hubungan kewangan dan ekonomi yang semakin kukuh antara Asia dengan Timur Tengah, yang memanfaatkan kesalinglengkapan yang ada di rantau pertumbuhan yang dinamik ini untuk menggalakkan perdagangan, pelaburan langsung dan kewangan.

Pengantarabangsaan kewangan Islam kini menjadi saluran penting dalam memupuk hubungan kewangan antarabangsa dan dengan berbuat demikian dapat menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan yang lebih seimbang. Oleh yang demikian, pengantarabangsaan kewangan Islam bukan sahaja membolehkan risiko terus dipelbagaikan, malahan turut menyumbang kepada pengagihan dana merentas sempadan yang lebih cekap dari rantau yang mempunyai dana berlebihan kepada rantau yang mempunyai peluang pelaburan.

Pentingnya kewangan Islam dalam mengukuhkan hubungan kewangan terbukti khususnya dengan kemunculan instrumen sukuk sebagai kelas aset baharu yang menarik kepada pelabur dan sebagai bentuk pembiayaan yang berdaya saing kepada perniagaan. Pasaran global sukuk pada masa ini mencecah hampir US$130 bilion, dengan kadar pertumbuhan purata kira-kira 40 peratus setahun. Setelah muncul sebagai segmen paling memberangsangkan dalam kewangan Islam, kini pasaran sukuk telah berkembang sepenuhnya dalam pasaran antarabangsa, menjana aliran merentas sempadan yang besar dengan dana yang diperoleh melangkaui pasaran kewangan domestik.

Seperti yang dilihat daripada pengalaman di Malaysia, sungguhpun sukuk kini menjadi pilihan pembiayaan dan pertambahan modal yang digemari oleh kerajaan dan syarikat tempatan, terdapat juga penyertaan dalam jumlah yang besar serta minat yang terus meningkat daripada syarikat asing dan institusi multilateral dalam pasaran sukuk negara. Pasaran sukuk negara turut menarik pelaburan dari seluruh dunia. Terbitan sukuk Kerajaan Malaysia baru-baru ini yang berjumlah USD1.25 bilion pada bulan Mei tahun ini terlebih langganan 6 kali dengan jumlah pelabur yang lebih besar dari Asia, Timur Tengah, Eropah dan Amerika Syarikat, walaupun dalam keadaan pasaran yang tidak menentu pada masa kini.

Kesimpulan

Sambil kita meneruskan agenda pembangunan dan pertumbuhan yang seimbang dengan lebih bersemangat, kita mampu untuk memanfaatkan peranan kewangan Islam yang kian meningkat bagi menyumbang ke arah agenda pertumbuhan dan kestabilan kewangan global. Di samping itu, kewangan Islam juga boleh dimanfaatkan untuk menggalakkan aliran kewangan merentas sempadan yang lebih meluas bagi menyumbang kepada agenda dalam meningkatkan pertumbuhan yang saling memperkukuh dan agenda pembangunan untuk mencapai aspirasi global ke arah kemajuan dan pembangunan ekonomi yang kukuh, seimbang dan berterusan.

Kongres Akauntan Sedunia
'Kewangan Islam: Mengukuhkan Pasaran Kewangan Global'
Kuala Lumpur, 10 November 2010

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor Bank Negara Malaysia

Dalam persekitaran global semasa, usaha-usaha untuk mengembalikan kestabilan dalam pasaran kewangan, meneruskan kelancaran sistem kewangan yang cekap dan mewujudkan semula pemulihan ekonomi yang berterusan merupakan keutamaan yang tinggi. Dengan hubungan pasaran kewangan merentas negara menjadi semakin nyata, dan ekonomi menjadi lebih saling berhubung, kesalingbergantungan lebih tinggi yang terhasil bagaimanapun menjadikan pencarian penyelesaian masalah menjadi semakin mencabar.

Walaupun tindak balas antarabangsa secara besar-besaran yang melibatkan langkah rangsangan yang besar telah berjaya membendung pergolakan krisis tersebut daripada terus menular, faktor ini bagaimanapun tidak mencukupi untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang kukuh lagi berterusan. Selain daripada reformasi pengawalseliaan, penstrukturan semula, penyelesaian dan reformasi kewangan dan ekonomi lain juga diperlukan untuk menangani isu-su yang berkaitan dengan krisis dan struktur yang masih dihadapi oleh ekonomi dunia. Oleh itu, keadaan yang wujud kini dijangka menyebabkan tempoh ketidaktentuan ini yang berpanjangan.

Dalam tempoh yang penuh dengan cabaran dan ketidaktentuan yang luar biasa ini, kewangan Islam telah meneruskan pengembangan dan pembangunan globalnya. Di samping itu, pengantarabangsaan kewangan Islam dapat dilihat semakin ketara pada dekad akhir-akhir ini. Saya berasa amat sukacita kerana dapat bersama-sama anda semua hari ini di Kongres Akauntan Sedunia (World Congress of Accountants) untuk berucap mengenai kewangan Islam dan usaha memperkenalkannya di persada kewangan global. Pada pagi ini, ucapan saya akan membincangkan potensi peranan kewangan Islam dalam sistem kewangan antarabangsa memandangkan kewangan Islam semakin berkembang di peringkat antarabangsa, dan peranannya dalam memperkukuh hubungan ekonomi dan kewangan antarabangsa dalam ekonomi global. Apa yang penting dalam trend ini ialah ciri dalaman kewangan Islam dan pembangunan infrastruktur kewangan yang telah menjadikannya berdaya tahan dan terus mampan, lantas peranan positifnya dalam sistem kewangan antarabangsa.

Model kewangan Islam

Sebagai suatu bentuk pengantaraan kewangan, kewangan Islam merangkumi beberapa elemen yang menjadi panduan dalam proses mobilisasi dan pengagihan dana. Prinsip Syariah pada dasarnya menghendaki urus niaga kewangan dalam kewangan Islam supaya berlandaskan aktiviti ekonomi yang produktif yang akan menjana pendapatan dan kekayaan yang sah. Ini membentuk hubungan yang rapat antara urus niaga kewangan dengan aliran produktif. Oleh itu, pertumbuhan dalam aset kewangan Islam pada amnya akan diikuti oleh pengembangan aktiviti asas yang mempunyai nilai ekonomi.

Kewangan Islam juga mempunyai sekatan dan imbangan dalamannya tersendiri yang berupaya menangani isu berkaitan kestabilan kewangan. Tawaran nilai kewangan Islam dari segi perkongsian keuntungan dan risiko kewangan Islam memerlukan usaha wajar (due diligence), penzahiran dan ketelusan yang bersesuaian. Oleh itu, ciri-ciri dalaman kewangan Islam menegaskan akan pentingnya tadbir urus dan pengurusan risiko. Sehubungan dengan itu, perjanjian yang diikat menuntut standard penzahiran dan ketelusan yang tinggi, yang

seterusnya akan memperkuat disiplin pasaran dan mengurangkan adanya maklumat yang tidak simetri. Satu lagi tahap pengawasan yang bertindak sebagai pelindung terhadap amalan yang tidak bertanggungjawab ialah lembaga Syariah dalam institusi kewangan masing-masing yang memainkan peranan penting untuk memastikan operasi perniagaan institusi kewangan Islam mematuhi prinsip Syariah. Oleh itu, kewangan Islam secara keseluruhannya menyokong inovasi yang wajar dan mampan lantas menyumbang kepada sektor ekonomi benar dan juga masyarakat.

Kesemua elemen penting dalam kewangan Islam ini menjadi asas yang menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan serta memelihara kestabilan kewangan. Meskipun sistem kewangan global mengalami pergolakan dan ketidaktentuan, kewangan Islam telah menunjukkan daya tahan dan pengembangan berterusan di peringkat global sepanjang tempoh ini. Dengan kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 20%, kewangan Islam merupakan salah satu segmen industri kewangan yang paling pantas berkembang. Industri perkhidmatan kewangan Islam kini dianggarkan bernilai lebih daripada USD1 trilion.

Apa yang penting ialah kewangan Islam juga berupaya memenuhi permintaan pengguna dan perniagaan yang berubah-ubah dengan menyediakan rangkaian produk dan perkhidmatan terbeza. Kewangan Islam kini menawarkan spektrum produk dan perkhidmatan kewangan yang inovatif dan berkualiti tinggi, termasuk pembiayaan pengguna, pengurusan aset dan kekayaan serta produk daripada industri insurans dan pasaran modal Islam. Kewangan Islam juga telah membuktikan keupayaannya dalam pembiayaan projek dengan pasaran sukuk menjadi pilihan penjanaan dana yang sangat kompetitif bagi projek berskala besar dan pembangunan infrastruktur.

Kami di Malaysia kini telah membangunkan sistem kewangan Islam yang komprehensif yang beroperasi selari dengan sistem kewangan konvensional. Sistem perbankan Islam di Malaysia kini merangkumi sebanyak 20% daripada sistem perbankan negara, sementara pasaran sukuk mencakupi lebih 50 peratus daripada pasaran bon yang kini merupakan 98% daripada KDNK. Susulan inisiatif liberalisasi dalam dekad ini, jumlah institusi asing dan juga penyertaan asing dalam sistem kewangan Islam di Malaysia semakin bertambah. Apa yang penting ialah penyertaan syarikat multinasional dan institusi kewangan antarabangsa adalah bukan sahaja dari negara Islam bahkan dari negara bukan Islam juga. Sistem kewangan Islam di Malaysia juga disokong dengan baik oleh rejim pengawalseliaan dan rangka kerja undang-undang dan Syariah yang mantap, serta sistem pembayaran dan penyelesaian yang juga penting dalam menyokong kemampanan sistem kewangan tersebut.

Kewangan Islam: Mengukuhkan hubungan ekonomi dan kewangan antarabangsa

Pengantarabangsaan kewangan Islam telah banyak dibantu oleh peningkatan liberalisasi yang mula diperkenalkan dalam dekad ini, selain pembangunan infrastruktur kewangan Islam antarabangsa yang berterusan. Trend ini telah mendorong institusi kewangan Islam untuk menjalankan perniagaan melangkaui sempadan negara. Kini, terdapat lebih daripada 600 institusi kewangan Islam beroperasi di lebih 75 buah negara. Pada masa yang sama, liberalisasi pasaran kewangan Islam telah menarik lebih banyak penyertaan asing untuk memperoleh dana dalam pasaran tersebut. Penyertaan ini termasuk pelabur institusi yang mempunyai dana lebihan untuk dilaburkan. Gelombang pengantarabangsaan kewangan Islam berterusan meskipun persekitaran ekonomi global semakin mencabar. Dalam membiayai aktiviti perdagangan dan pelaburan, kewangan Islam telah mempengaruhi corak baharu aliran perdagangan dan kewangan global. Khususnya, kewangan Islam telah mengukuhkan hubungan kewangan dan ekonomi Asia dengan Timur Tengah. Dalam mengukuhkan hubungan kewangan antarabangsa antara negara, kewangan Islam telah menunjukkan potensinya dalam bidang pempelbagaian risiko dan pengagihan sumber yang cekap merentas sempadan.

Pasaran sukuk merupakan segmen kewangan Islam yang paling pesat berkembang dan telah menjadi platform penting dalam menggalakkan kesalinghubungan kewangan dan ekonomi antarabangsa. Instrumen sukuk berkembang pantas untuk menjadi kelas aset baharu yang menarik bagi pelabur dan bagi penerbit, sebagai pembiayaan utama dan pemerolehan modal. Dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 40 peratus setahun, pasaran sukuk global menunjukkan keupayaannya sebagai bentuk pengantaraan merentas sempadan yang berkesan dari segi pengagihan dana lebihan dari satu negara ke satu negara yang lain yang mempunyai peluang pelaburan yang produktif. Kini, pasaran sukuk telah menjadi produk yang benar-benar global yang mampu menjana aliran kewangan merentas sempadan yang ketara.

Selari dengan pengantarabangsaan kewangan Islam yang pantas, dekad ini juga telah melihat bertambahnya penekanan yang diberikan terhadap pembangunan infrastruktur kewangan Islam antarabangsa yang berkaitan dengan kestabilan kewangan. Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) telah ditubuhkan pada tahun 2002 sebagai badan penetap piawaian kehematan antarabangsa untuk industri kewangan Islam. Pada peringkat awal penubuhannya, IFSB hanya dianggotai oleh sembilan pengawal selia. Tetapi, kini keanggotaan ISFB melebihi lima puluh pengawal selia dari negara Islam dan negara bukan Islam. Dengan mengambil kira risiko yang khusus dalam kewangan Islam, IFSB telah memperkenalkan piawaian bagi kecukupan modal, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat sebagai sebahagian daripada rejim pengawalseliaan untuk mengukuhkan daya tahan institusi kewangan Islam. Usaha yang diambil oleh IFSB bukan sahaja telah menyumbang kepada pengembangan global kewangan Islam yang teratur, malahan juga telah menyumbang ke arah pencapaian rangka kerja pengawalseliaan merentas sempadan serta amalan terbaik antarabangsa yang sepadu untuk kewangan Islam.

Pada tahun ini, dua inisiatif baharu telah diperkenalkan untuk mengukuhkan lagi infrastruktur kewangan antarabangsa dalam kewangan Islam dan untuk menggalakkan pasaran kewangan berfungsi dengan baik dan cekap. Inisiatif pertama ialah penubuhan Forum Kestabilan Kewangan Islam (Islamic Financial Stability Forum, IFSF) yang berperanan sebagai platform untuk interaksi antara pengawal selia merentas sempadan bagi membincangkan usaha ke arah pencapaian kestabilan kewangan dalam sistem kewangan Islam. Forum tersebut bertujuan untuk menggalakkan pemahaman yang lebih baik tentang perkembangan dalam sistem kewangan Islam dan implikasinya terhadap kestabilan kewangan negara dan global.

Inisiatif kewangan Islam kedua yang utama ialah penubuhan International Islamic Liquidity Management Corporation (IILM) pada bulan Oktober tahun ini yang merupakan infrastruktur pengurusan mudah tunai untuk institusi kewangan Islam. IILM merupakan wahana bagi kerjasama dan komitmen yang konkrit daripada dua belas pihak berkuasa pengawalseliaan untuk mewujudkan mekanisme pengurusan mudah tunai merentas sempadan yang lebih berkesan, serta untuk menangani isu pengurusan mudah tunai bagi mencapai kestabilan kewangan. Secara kumulatif, usaha tersebut bertujuan untuk menyumbang kepada daya tahan yang berterusan dalam sistem kewangan Islam global.

Menangani isu pelaporan kewangan dalam kewangan Islam

Ketika industri kewangan Islam terus tumbuh dan berkembang melangkaui sempadan negara, peranan dan sokongan daripada pengamal perakaunan dan penetap piawaian akan menjadi bertambah penting. Menerima pakai rangka kerja dan kelaziman perakaunan yang sedia ada terhadap institusi kewangan Islam mungkin akan menjadi lebih mencabar memandangkan ciri-ciri unik dalam urus niaga kewangan Islam seperti kontrak berdasarkan ekuiti dan kontrak perkongsian keuntungan. Selain itu, dengan adanya ciri perkongsian risiko dalam perjanjian tersebut, tahap ketelusan yang lebih tinggi mungkin diperlukan supaya pengguna lebih memahami dan lebih bijak menilai risiko asas dan kesan kewangan yang mungkin berlaku.

Secara umun, terdapat persoalan tentang sama ada rangka kerja perakaunan antarabangsa semasa mampu menangani dengan secukupnya urus niaga, struktur dan model perniagaan kewangan Islam yang berbeza-beza, yang terus berkembang mengikut pembangunan dan kematangan industri. Pandangan yang berbeza wujud mengenai bagaimana konsep perakaunan konvensional, seperti pelaporan yang mementingkan kandungan lebih daripada bentuk, serta prinsip diskaun aliran tunai, boleh diaplikasikan pada urus niaga kewangan Islam. Oleh itu, pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu tersebut diperlukan untuk meluaskan lagi penyelesaian yang boleh mempertingkat nilai pelaporan kewangan.

Pengharmonian piawaian pelaporan kewangan dalam kewangan Islam

Perkembangan penting yang mengikuti pengantarabangsaan kewangan Islam ialah usaha untuk meningkatkan kebolehbandingan urus niaga kewangan Islam merentas sempadan. Dalam hal ini, Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions, AAOIFI) telah menyumbang ke arah penambahbaikan dalam pendekatan pengukuran bagi urus niaga kewangan Islam dan kualiti keseluruhan penyata kewangan. Kerjasama serantau telah dapat ditingkatkan melalui Asian-Oceanian Standard-setters Group (OSG) yang baru ditubuhkan untuk meneliti isu teknikal dalam pelaporan kewangan institusi kewangan Islam. Usaha oleh AAOIFI dan OSG merupakan sumbangan penting terhadap usaha yang sedang dilaksanakan untuk membangunkan rangka kerja perakaunan yang sesuai dan yang akan terus menyokong pembangunan global kewangan Islam. Badan penetap piawaian seperti IASB perlu dilibatkan sama dalam proses ini untuk melengkapi, dan untuk memanfaatkan usaha global semasa dalam pertumpuan rangka kerja perakaunan antarabangsa.

Kesimpulan

Pengantarabangsaan kewangan Islam telah mempercepat kemajuan bidang baharu ini yang berpotensi besar untuk menjadi satu lagi pengantaraan yang membolehkan aliran kewangan merentas sempadan antara ekonomi di pelosok dunia. Kewangan Islam, iaitu komponen yang semakin penting dalam sistem kewangan antarabangsa dapat dimanfaatkan untuk memudahkan pengantaraan dana lebihan kepada ekonomi yang menawarkan peluang baharu. Dengan penerimaan kewangan Islam yang berterusan pada peringkat global, pengukuhan pelaporan perakaunan, pengauditan dan piawaian penzahiran merupakan aspek yang amat penting dalam proses ini.

Sambil kita melangkah ke fasa globalisasi ini yang kewangan Islam merupakan sebahagian yang penting, usaha kumulatif penetap piawaian, pengawal selia dan industri akan meningkatkan kemungkinan untuk menangani banyak cabaran yang perlu kita hadapi. Kita perlu memanfaatkan kekuatan tertentu yang ada dan menangani kelemahan dengan bersungguh-sungguh. Walaupun hubung kait antara rantau di dunia mungkin mengakibatkan wujudnya kelemahan baharu, saya yakin bahawa kesalinghubungan ini turut membawa bersama-sama prospek baharu untuk peluang baharu, hubungan baharu dan harapan baharu demi kemakmuran bersama.

Kolokium Svein Gjedrem
"Peranan Bank-bank Pusat dalam Ekonomi Sedang Pesat Membangun"
Oslo, 18 November 2010

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Pendahuluan

Cabaran demi cabaran melanda Bank-bank Pusat dalam usaha menangani tuntutan serta desakan yang berubah-ubah lantaran persekitaran yang berubah pantas. Perubahan asas dan ketara ini telah membangkitkan seruan agar peranan Bank-bank Pusat dalam sistem kewangan dan ekonomi dikaji semula. Sering kali, seruan sebegini tercetus sewaktu krisis kewangan, seperti ketika krisis kewangan Asia dan krisis kewangan global semasa yang berlaku baru-baru ini. Namun begitu, pembaharuan keinstitusian yang dilaksanakan dalam keadaan yang luar biasa, berisiko untuk mempengaruhi sifat dan hala tuju pembaharuan tersebut. Meskipun pembaharuan susulan daripada krisis mungkin dapat menangani tuntutan jangka pendek, tetapi implikasi pembaharuan untuk tempoh jangka sederhana dan panjang juga tidak kurang pentingnya. Satu pengajaran penting yang mungkin boleh diambil oleh Bank-bank Pusat ialah pembaharuan dan pemodenan seharusnya dilaksanakan ketika keadaan stabil supaya perubahan sedemikian tidak perlu dilakukan pada saat genting. Yang penting, dalam persekitaran yang dinamik ini, Bank-bank Pusat perlu terus menyesuaikan diri dan berkembang agar kekal relevan dan seterusnya, memanfaatkan negara.

Saya amat berbesar hati kerana dijemput mengucapkan sepatah dua kata di Kolokium Norges Bank yang diadakan khas bagi memberi penghormatan kepada Gabenor Svein Gjedrem. Izinkan saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Gabenor Gjedrem atas pencapaian Bank di bawah terajunya sepanjang 12 tahun. Ucapan saya pada hari ini akan tertumpu pada peranan Bank-bank Pusat dari sudut ekonomi sedang pesat membangun dan lebih khususnya, dalam konteks Perbankan Pusat di Asia ketika kita sedang menangani cabaran dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global yang begitu cepat berubah-ubah.

Mandat Bank Pusat

Meskipun rangka tindakan khusus bagi reka bentuk pengaturan keinstitusian sesebuah Bank Pusat tidak wujud, yang penting ialah Bank Pusat harus relevan dengan keadaan di negara masing-masing. Mandat, rangka kerja tadbir urus dan bidang kebertanggungjawaban Bank Pusat perlu jelas dan disokong oleh perundangan yang memberikan kuasa bagi memastikan Bank Pusat berupaya melaksanakan mandat yang diamanahkan.

Secara amnya, Bank-bank Pusat di ekonomi sedang pesat membangun mempunyai mandat yang lebih luas berbanding dengan mandat tradisional iaitu kestabilan monetari dan kewangan. Dalam lingkungan mandat tradisional ini pun, peranan Bank Pusat banyak bezanya. Mandat kestabilan monetari terdiri daripada mandat yang terhad iaitu kestabilan harga hinggalah mandat yang memerlukan Bank Pusat memainkan peranan penting dalam menstabilkan harga. Pada masa yang sama perhatian yang sewajarnya turut diberikan kepada matlamat ekonomi dan guna tenaga. Bagi sesetengah Bank Pusat, mandatnya jelas bersifat hierarki, namun bagi Bank Pusat yang lain, mandatnya yang berbilang memerlukan keseimbangan dinilai dengan sewajarnya.

Sebaliknya, mandat kestabilan kewangan Bank Pusat tidak ditetapkan dengan jelas, terutamanya apabila fungsi penyeliaan tidak dipertanggungjawabkan kepada Bank Pusat.

Kebanyakan Bank Pusat dalam ekonomi sedang pesat membangun di Asia mendukung tanggungjawab fungsi penyeliaan. Walau bagaimanapun bagi tiga daripada ekonomi utama di rantau ini iaitu Jepun, China dan Korea, fungsi tersebut diamanahkan kepada agensi yang berasingan. Bagi Bank-bank Pusat yang harus melaksanakan tanggungjawab fungsi penyeliaan, hasil khusus yang perlu dicapai adalah kurang jelas berbanding dengan mandat kestabilan harga. Di Malaysia, Akta Bank Negara 2009 baharu telah mendefinisikan mandat ini dari aspek risiko terhadap kestabilan kewangan - yakni, risiko gangguan pada pengantaraan kewangan, risiko gangguan pada kelancaran fungsi pasaran kewangan yang teratur dan risiko hilangnya keyakinan terhadap sistem kewangan.

Mandat untuk membangunkan sistem kewangan pula saling dikongsi oleh sebahagian besar Bank Pusat dalam ekonomi sedang pesat membangun. Melihatkan tahap pembangunan sistem kewangan dalam ekonomi sedang pesat membangun, mandat ini bukan sahaja penting untuk memantapkan proses pengantaraan kewangan dalam ekonomi tetapi juga bermatlamat membantu memenuhi mandat kestabilan monetari dan kewangan. Mandat ini merangkumi pembinaan keinstitusian, pembangunan pasaran kewangan dan infrastruktur kewangan termasuk sistem pembayaran dan rangka kerja perundangan.

Pembaharuan kewangan dan pembangunan sektor kewangan selama satu dekad yang menyusuli krisis kewangan Asia telah menghasilkan sistem kewangan yang lebih maju serta berdaya tahan, dan kini lebih berupaya untuk mengantara aliran kewangan yang tidak menentu dan menghadapi kejutan pada sistem. Sewaktu krisis kewangan global baru-baru ini, kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun di Asia tidak mengalami sebarang gangguan pada proses pengantaraan kewangan manakala aliran kredit pula terus lancar lantas memberikan sokongan penting kepada aktiviti ekonomi. Hal ini juga telah membolehkan pasaran kewangan membantu penyampaian dasar bagi menyokong pemulihan ekonomi.

Peranan pembangunan ini juga penting dalam menyumbang ke arah pemeliharaan kestabilan kewangan. Pembangunan pasaran kewangan domestik dan penghasilan sistem kewangan yang lebih berpelbagai telah mengurangkan risiko tumpuan yang ketara terhadap sistem perbankan, iaitu suatu ciri yang berleluasa semasa krisis kewangan Asia. Pengaturan keinstitusian baharu yang diperkenalkan juga bertujuan agar seiring dengan inovasi, kemajuan teknologi dan globalisasi yang bertambah hebat. Oleh itu, pendekatan yang lebih seimbang dapat diambil ke arah pengawalan, yang dilengkapi dengan mekanisme pengawasan yang baru dihasilkan termasuk rentas sempadan, pengawasan kawal selia yang diperkukuh dan pengaturan keinstitusian untuk penyelesaian.

Bank-bank Pusat dan Pasaran Kewangan

Mandat yang hangat diperbincangkan baru-baru ini ialah peranan Bank Pusat dalam memastikan pasaran kewangan berfungsi dengan teratur. Pasaran kewangan yang berfungsi dengan teratur bukan sahaja penting supaya sumber kewangan diperuntukkan dengan berkesan dalam ekonomi, tetapi juga penting untuk penyampaian dasar kewangan dan pemeliharaan kestabilan kewangan. Meskipun kuasa saingan dijangka membuahkan hasil yang cekap dan optimum, Bank-bank Pusat dalam ekonomi sedang pesat membangun memainkan peranan penting dalam mengimbangi antara kuasa pasaran dan campur tangan dengan matlamat untuk memastikan pasaran kewangan berfungsi dengan teratur. Walau bagaimanapun, perlu disedari bahawa beberapa prasyarat penting perlu dipenuhi bagi menjana harga keseimbangan (equilibrium price) yang mencerminkan asas-asas dasarnya. Ini termasuk infrastruktur institusi dan pasaran, struktur insentif, peraturan pasaran dan tahap celik kewangan yang menyedari dan memahami isyarat pasaran. Risiko ketidakstabilan meningkat apabila elemen-elemen ini masih belum dikembangkan sepenuhnya dalam banyak ekonomi sedang pesat membangun. Oleh itu, akibat daripada

tahap pembangunan, atau saiz pasaran tersebut, atau ketidaksempurnaan yang wujud dalam pasaran, ekonomi sedang pesat membangun lebih mudah terjejas kepada keadaan yang lebih tidak menentu dan keadaan pasaran yang tidak dapat mencapai keseimbangan dengan sendiri. Krisis kewangan global baru-baru ini telah menunjukkan bahawa kepincangan sebegini juga berlaku dalam sistem kewangan yang maju. Struktur keinstitusian dan peraturan yang lapuk dan tidak relevan meningkatkan risiko keadaan pasaran yang tidak stabil. Pengalaman turut menunjukkan bahawa kepincangan pasaran ini memberikan kesan buruk yang serius dan meluas terhadap ekonomi secara keseluruhannya.

Walau bagaimanapun, untuk campur tangan yang berkesan, matlamat yang ingin dicapai oleh Bank Pusat dan hasil yang ingin diraih haruslah jelas. Yang penting, perlu wujud kesedaran bahawa campur tangan tersebut bersifat sementara serta wujud cabaran untuk melupuskannya dengan berkesan apabila matlamat telah dicapai. Selain itu, risiko akibat yang tidak dirancang kesan daripada campur tangan langsung oleh Bank Pusat juga perlu diurus. Risiko ini termasuk potensi untuk pemintasan, atau tumpuan kepada pasaran lain yang tidak dilindungi oleh campur tangan sedemikian. Kos juga mungkin ditanggung berkaitan dengan campur tangan tersebut, yang bukan sahaja merangkum kos semasa, tetapi juga kos yang perlu ditanggung oleh generasi akan datang.

Meskipun kadar penyahkawalseliaan dan liberalisasi ekonomi sedang pesat membangun mungkin berbeza, namun, peralihan nyata ke arah orientasi pasaran yang lebih meluas dapat dilihat dalam dekad ini. Usaha pembaharuan ini telah diperkukuh dengan usaha membangunkan pasaran kewangan dan infrastruktur kewangan. Dalam rangka kerja ini, campur tangan dilakukan melalui kehadiran secara langsung dalam pasaran kewangan, penetapan kaedah dan peraturan, dan penyelesaian untuk institusi kewangan yang bermasalah. Campur tangan ini ketara semasa krisis kewangan Asia pada lewat tahun 1990-an bagi memulihkan kestabilan pasaran kewangan, yang seterusnya mewujudkan keadaan untuk proses pengantaraan kewangan disambung semula. Meskipun perjalanan sistem kewangan yang berkesan memainkan peranan penting dalam pemulihan ekonomi di Asia, yang lebih penting ialah himpunan dasar komprehensif yang menghasilkan pemulihan. Dalam tempoh satu tahun selepas langkah menggalakkan pertumbuhan diperkenalkan, kebanyakan ekonomi yang terjejas oleh krisis menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang kukuh.

Baru-baru ini, krisis kewangan global telah melalui beberapa siri campur tangan pasaran secara langsung dalam pelbagai bentuk yang bertujuan memulihkan fungsi pasaran. Disifatkan sebagai tindakan yang diambil dalam keadaan yang benar-benar luar biasa, peristiwa ini membuktikan bahawa fenomena kepincangan pasaran yang serius boleh berlaku meskipun dalam sistem kewangan yang paling maju. Sambil campur tangan meluas ini diteruskan, terutamanya dalam pasaran sekuriti awam dan swasta, wujud kebimbangan berhubung dengan akibat yang bakal ditanggung oleh negara-negara lain di dunia, khususnya bagi negara sedang pesat membangun. Dalam dunia kini yang lebih terhubung dan saling bergantung, tindakan ini sudah pun mewujudkan peralihan ketara dalam aliran modal. Negara sedang pesat membangun harus berupaya untuk mengantara pertambahan aliran modal yang mendadak dan menguruskan risiko berkaitan dengan aliran masuk mudah tunai tersebut dan potensinya untuk menjejaskan pemulihan semasa.

Elemen selanjutnya yang sering dipandang ringan ialah peranan tingkah laku, yang banyak mempengaruhi dinamik pasaran kewangan. Bentuk tingkah laku ekstrim memang ketara dalam pasaran aset dan pertukaran asing. Pasaran aset cenderung dilanda *boom and bust*, manakala pasaran pertukaran asing pula cenderung untuk melampau (overshooting). Meskipun beberapa ekonomi sedang pesat membangun

berjaya menggunakan langkah kehematan makro untuk membendung pembentukan gelembung aset (asset bubble), namun pasaran pertukaran asing berbeza daripada pasaran lain. Dengan urus niaga harian berjumlah USD4 trilion, pasaran ini merupakan pasaran paling cair dan dinamik di dunia. Sentimen dan jangkaan telah mengakibatkan pasaran yang sering kali cenderung mengalami pergerakan berlebihan dan melampau. Sebagai ekonomi yang sangat terbuka, gangguan dan ketidakseimbangan dalam pasaran pertukaran asing memberikan akibat yang meluas dalam ekonomi benar. Operasi campur tangan untuk mengekalkan keadaan pasaran yang teratur dan diperkukuh oleh operasi pensterilan bertujuan memastikan mudah tunai dalam pasaran dan keadaan pasaran mencerminkan asas-asas ekonomi yang mendasarinya. Sama seperti dalam pasaran kewangan lain, langkah ini bertujuan memastikan kemampanan fungsi pasaran yang berkesan.

Bank-bank Pusat dan Pembendungan dan Pengurusan Krisis

Melangkah ke hadapan, dunia pastinya akan terus dilanda krisis kewangan. Sejarah telah menunjukkan bahawa lebih daripada 100 krisis perbankan yang berbeza telah berlaku sepanjang dua dekad kebelakangan ini. Prospek untuk menangani krisis sedemikian bukan hanya tentang membina daya tahan tetapi juga keupayaan untuk menguruskannya. Bank-bank Pusat memainkan peranan kritikal dalam membendung dan menguruskan krisis, khususnya menyediakan mudah tunai, memastikan pasaran kewangan berfungsi dengan cekap, menerajui program penyelesaian dan mengembalikan keyakinan dalam sistem kewangan.

Sebagai pemberi pinjaman usaha akhir, Bank Pusat berada di barisan hadapan bagi melaksanakan tindakan untuk memulihkan kestabilan. Tanpa mengambil kira pengaturan keinstitusian bagi fungsi pengawasan – sama ada berdasarkan model bersepadu atau model yang disusun menurut garis sektor – penyelarasan yang berkesan amat penting untuk memelihara kestabilan kewangan. Pengaturan penyelarasan yang mantap mampu mengelakkan pendekatan sedikit demi sedikit oleh mana-mana agensi individu dalam sistem dan memastikan tindak balas menyeluruh dapat diambil semasa krisis. Penyelarasan merentas agensi yang lebih meluas juga membolehkan tindakan segera diambil.

Elemen bagi pengurusan krisis sebahagian besarnya telah diwujudkan dalam beberapa ekonomi sedang pesat membangun di Asia. Ini merangkumi rangka kerja pengawasan yang ketat untuk pengesanan awal risiko dan kelemahan, rangkaian instrumen dasar untuk menangani pertambahan risiko, rangka kerja tadbir urus dan kebertanggungjawaban serta rangka kerja penyelarasan. Tidak kira sama ada tanggungjawab penyeliaan diamanahkan kepada Bank Pusat atau tidak, peranannya dalam pengawasan pengurusan makro-ekonomi, dan hubungan langsung dengan pasaran kewangan dalam operasi pasaran wang serta pengurusan rizabnya dapat dimanfaatkan bagi menyokong mandat kestabilan kewangan. Ini akan membolehkan tindak balas yang lebih menyeluruh diberikan untuk membendung dan menguruskan krisis.

Di Asia, semakin kukuh integrasi kewangan serantau, semakin erat jugalah kerjasama dan usaha sama serantau. Semasa krisis kewangan Asia, ekonomi serantau menguruskannya secara individu. Memandangkan cabaran menjadi semakin rumit, tindakan yang diambil sendiri mungkin tidak dapat meraih hasil yang diharapkan. Tambahan pula, penyelesaian yang dianggap terbaik buat sesebuah negara mungkin membawa akibat yang tidak dirancang terhadap kestabilan secara kolektif. Oleh itu, Asia telah menjalin kerjasama rapat bagi melaksanakan pengawasan serantau dengan langkah kukuh untuk menubuhkan rangkaian sokongan kewangan, membangunkan pasaran kewangan dan sistem pembayaran serantau. Kerjasama sedemikian juga membolehkan pendapat dan dan perwakilan secara kolektif, serta mempunyai potensi untuk negara rantau Asia bersuara dalam perumusan dasar global.

Pemodenan Bank Pusat

Sambil Bank-bank Pusat melangkah ke arah masa hadapan yang penuh dengan ketidakpastian, cabaran persekitaran baharu menuntut keupayaan keinstitusian yang baharu supaya bank-bank pusat dapat terus melaksanakan mandatnya dengan berkesan. Bank-bank Pusat juga harus melaksanakan pembaharuan dan pemodenan mereka sendiri. Peningkatan keupayaan keinstitusian seperti ini mungkin melibatkan perubahan pada pengaturan keinstitusian, struktur dan amalan organisasi dan tadbir urus, perundangan yang memberikan kuasa dan tenaga mahir yang diperlukan. Oleh itu, perkembangan organisasi tersebut memerlukan pembaharuan yang berterusan bagi menyesuaikan diri dengan realiti baharu dalam persekitaran yang berubah-ubah.

Dalam kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun, sebahagian besar tenaga mahir tertumpu di Bank Pusat. Dalam persekitaran baharu ini, tenaga mahir tersebut perlu mempunyai keupayaan baharu untuk menangani isu-isu rumit daripada perspektif berbeza yang bukan lagi berasaskan fungsi. Selain melibatkan kerjasama merentas organisasi, ia juga memerlukan pengurusan perhubungan termasuk dengan Kerajaan, dan pada masa yang sama masih mengekalkan kebebasan organisasi. Langkah ini memerlukan usaha menginstitusikan saluran aliran maklumat, struktur tadbir urus dan kejelasan kebertanggungjawaban serta mekanisme untuk menangani pertikaian. Secara kolektif, perhubungan yang konstruktif dapat dibina dan pada masa yang sama, kebebasan Bank Pusat dapat dikekalkan.

Satu elemen asas dalam Perbankan Pusat, yang amat penting dalam persekitaran yang penuh ketidakpastian ini ialah strategi komunikasi yang benar-benar mantap. Tidak seperti strategi komunikasi dalam pengendalian dasar monetari yang sudah matang, komunikasi Bank-bank Pusat berhubung dengan kestabilan kewangan masih lagi di peringkat awal. Malah, krisis baru-baru ini jelas menyerlahkan bahawa Bank-bank Pusat dan pembuat dasar perlu menghasilkan strategi komunikasi yang mengimbangi matlamat memberikan maklumat kepada pasaran dan orang ramai, dan pada masa yang sama mencapai hasil optimum iaitu kestabilan kewangan yang lebih kukuh.

Kesimpulan

Persekitaran ekonomi dan kewangan global yang pantas berubah akan terus memberikan tuntutan dan desakan terhadap Bank-bank Pusat. Meskipun pemodenan dan pembaharuan Bank-bank Pusat yang meluas dapat dilaksanakan pada peringkat kebangsaan, persekitaran yang semakin terhubung dan saling bergantung antara satu sama lain ini menuntut supaya lebih penekanan diberikan kepada perspektif dan pertimbangan global. Perhubungan yang lebih erat pada peringkat antarabangsa melibatkan komitmen dan interaksi yang lebih kukuh bagi menghasilkan tindakan kerjasama yang lebih mantap. Matlamat umum adalah penyertaan yang menyeluruh dalam sistem kewangan antarabangsa yang akan membantu agenda yang dikongsi bersama iaitu pertumbuhan dan perkembangan global yang mapan kendiri.

KALENDAR PERISTIWA
Oktober – Disember 2010

7 Oktober 2010

Bank Negara Malaysia dan Bank of Mauritius menandatangani Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding, MoU) untuk mewujudkan rangka kerja usaha sama bagi meningkatkan kerjasama dalam usaha bina upaya dan pembangunan modal insan industri perkhidmatan kewangan, termasuk dalam sektor perkhidmatan kewangan Islam. Menyedari potensi pertumbuhan kewangan Islam dan peranan utama Malaysia sebagai pusat kewangan Islam, MoU ini akan merintis jalan ke arah kerjasama yang lebih erat bagi kedua-dua negara dalam pembangunan tenaga mahir, kepakaran, hubungan perniagaan dan sokongan infrastruktur dalam kewangan Islam.

Dalam acara berasingan, Bank Negara Malaysia dan Banque de France menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 10 Oktober 2010 untuk menggalakkan kerjasama yang lebih erat dalam bidang perkhidmatan kewangan. Penandatanganan ini juga menggambarkan komitmen kedua-dua pihak untuk bekerjasama bagi kemajuan industri kewangan Islam di kedua-dua negara. MoU ini bertujuan untuk menggalakkan pembangunan strategik jangka panjang dalam kewangan konvensional dan kewangan Islam antara Malaysia dengan Perancis, dengan menumpukan kepada tiga bidang utama, iaitu usaha bina upaya dan pembangunan tenaga mahir, pengukuhan infrastruktur pasaran kewangan; dan peningkatan aktiviti kewangan merentas sempadan.

8 Oktober 2010

Dalam ucapan majlis makan tengah hari pada Mesyuarat Tahunan Ahli Institute of International Finance (IIF) 2010 di Washington D.C., Gabenor, Dr. Zeti mengatakan bahawa usaha menjana pertumbuhan dan pemulihan yang berpanjangan merupakan keutamaan tertinggi bagi ekonomi global selepas dilanda krisis baru-baru ini. Beliau menegaskan meskipun rangsangan ekonomi sangat penting untuk membendung krisis, namun, ia tidak memadai untuk menjana pemulihan yang kukuh lagi berterusan. Oleh itu, cabaran yang dihadapi pada dasarnya adalah dalam penstrukturan semula dan transformasi ekonomi, reformasi dan pembinaan semula keupayaan institusi untuk kekal efektif dalam persekitaran baharu dan berada pada kedudukan yang kukuh untuk menangani kejutan pada masa depan. Gabenor turut menekankan potensi bagi Asia yang sedang pesat membangun untuk bangkit menghadapi cabaran ini dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global yang baharu.

10 Oktober 2010

Dalam ucapan majlis makan tengah hari pada Mesyuarat Tahunan Tabung Kewangan Antarabangsa-Bank Dunia di Washington D.C., Gabenor menekankan pentingnya kewangan Islam dalam mengukuhkan hubungan kewangan yang terbukti dengan kemunculan instrumen sukuk sebagai kelas aset baharu yang menarik kepada pelabur dan sebagai bentuk pembiayaan yang berdaya saing kepada perniagaan. Beliau menambah sebagai segmen yang paling memberangsangkan dalam kewangan Islam, pasaran sukuk kini telah berkembang sepenuhnya dalam pasaran antarabangsa, menjana aliran merentas sempadan yang besar dengan dana yang diperoleh melangkaui pasaran kewangan domestik. Gabenor turut menyatakan bahawa kewangan Islam boleh dimanfaatkan untuk menggalakkan aliran kewangan merentas sempadan yang lebih meluas bagi menyumbang kepada agenda untuk mempertingkatkan pertumbuhan yang saling memperkukuh dan untuk mencapai aspirasi global ke arah kemajuan dan pembangunan ekonomi yang kukuh, seimbang dan berterusan.

22 Oktober 2010

Sebagai Sekretariat Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC), Bank mengumumkan kejayaan terbitan sukuk Emas dolar AS oleh Bank Pembangunan Islam, terbitan sukuk pertama dalam dolar AS oleh institusi pembangunan multilateral di Malaysia. Terbitan sukuk ini adalah susulan terbitan satu siri instrumen pembiayaan Emas Islam dalam mata wang asing di bawah inisiatif MIFC dan mencerminkan evolusi Malaysia ke arah sebuah platform terbitan sukuk pelbagai mata wang .

25 Oktober 2010

Bank menjadi tuan rumah bagi Forum Kewangan Islam Global (Global Islamic Finance Forum, GIFF) 2010 dengan tema ”Kewangan Islam: Peluang Masa Hadapan”. Acara ini diadakan di Kuala Lumpur dari 25 hingga 28 Oktober 2010. Sebagai acara utama peringkat antarabangsa dalam kalendar kewangan Islam, GIFF 2010 mempertemukan pengawal selia, cendekiawan dan peserta industri kewangan untuk saling berbincang dan bertukar pandangan berkenaan potensi pengembangan dan peluang mengantarabangsakan kewangan Islam. Pada hari yang sama, sebanyak sebelas bank pusat dan dua organisasi multilateral menandatangani Syarat Perjanjian (Articles of Agreement) bagi penubuhan International Islamic Liquidity Management Corporation (IILM), inisiatif yang bertujuan untuk membantu institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam bagi memudahkan pengurusan mudah tunai mereka dengan cekap dan berkesan. IILM akan menerbitkan instrumen kewangan berlandaskan Syariah yang berkualiti tinggi pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa, yang seterusnya akan memudahkan pengurusan mudah tunai dalam sistem kewangan Islam. Mereka yang menandatangani Syarat Perjanjian IILM ialah Gabenor-gabenor dan wakil mereka daripada bank-bank pusat atau agensi-agensi kewangan dari Indonesia, Iran, Luxembourg, Malaysia, Mauritius, Nigeria, Qatar, Arab Saudi, Sudan, Turki dan Emiriah Arab Bersatu. Bank Pembangunan Islam dan Perbadanan Islam bagi Pembangunan Sektor Swasta ialah organisasi multilateral yang turut serta dalam inisiatif ini. Selanjutnya pada 13 Disember, IILM telah melantik Gabenor, Dr. Zeti sebagai Pengerusi pertama bagi Lembaga Tadbir Urusnya.

26 Oktober 2010

Sempena GIFF 2010, Bank mengumumkan bahawa Anugerah Diraja Kewangan Islam telah diberikan kepada Shaikh Saleh Abdullah Kamel kerana wawasan, kepimpinan beliau yang luar biasa dan komitmen peribadinya untuk memacu perkembangan kewangan Islam secara global. Anugerah, yang dipelopori oleh inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) ini, dianggap sebagai tanda aras global dalam mengenal pasti individu-individu cemerlang yang telah memberikan inspirasi dalam pembangunan kewangan Islam di seluruh dunia. Penganugerahan ini tertumpu pada rekod pencapaian individu dan sumbangan ulung mereka terhadap pembangunan dan kemajuan kewangan Islam global.

Pada hari yang sama Bank juga mengumumkan pelancaran buku Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam (Edisi Kedua), sebuah kompilasi keputusan Syariah yang dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah Bank antara tahun 1997 dengan 2009. Resolusi Syariah ini merupakan kesinambungan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Bank bagi memperdalam pemahaman berhubung dengan tafsiran Syariah dan meningkatkan tahap ketelusan berhubung dengan pertimbangan perundangan dalam kewangan Islam, yang seterusnya meningkatkan penghayatan dan penerimaan terhadap keputusan-keputusan Syariah tersebut.

2 November 2010

Bank mengumumkan pelantikan ahli-ahli baharu Majlis Penasihat Syariah (MPS) untuk tempoh tiga tahun, berkuat kuasa 1 November 2010. MPS ialah badan berautoriti tertinggi dalam penentuan Syariah dalam kewangan Islam dan memainkan peranan penting dalam memastikan kemurnian keputusan Syariah yang menjadi sumber rujukan institusi kewangan Islam serta mahkamah dan penimbang tara. MPS dianggotai individu-individu yang berkelayakan dan terkemuka dalam kalangan ulama Syariah, ahli undang-undang dan pengamal pasaran, serta mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang perbankan, kewangan, ekonomi, undang-undang, dan aplikasi Syariah, khususnya dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam.

3 November 2010

Bank mengumumkan pelaksanaan nisbah nilai maksimum loan-to-value (LTV) sebanyak 70%, berkuat kuasa serta-merta bagi kemudahan pembiayaan rumah ketiga oleh peminjam. Kemudahan pembiayaan bagi pembelian rumah pertama dan kedua tidak terjejas dan peminjam boleh terus mendapatkan pembiayaan bagi pembelian tersebut pada paras LTV semasa yang dikenakan oleh sesebuah bank berdasarkan dasar kredit dalaman mereka. Langkah ini bertujuan untuk menyokong pasaran harta tanah agar terus stabil dan mampan, di samping memastikan orang ramai akan terus mampu untuk membeli rumah.

Pada hari yang sama Bank turut mengumumkan pengenalan Program Keupayaan Kewangan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Bank untuk meningkatkan tahap celik kewangan dan menggalakkan pengurusan kewangan dan hutang berhemat oleh rakyat Malaysia. Program ini, yang dijadualkan bermula pada bulan Januari 2011, akan ditawarkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) melalui cawangannya di seluruh negara. Program ini bertujuan untuk memperlengkap individu dengan pengetahuan penting untuk membuat keputusan kewangan yang wajar melalui pemahaman praktikal serta kemahiran dalam pengurusan wang dan hutang.

10 November 2010

Dalam ucapannya pada Kongres Akauntan Sedunia (WCOA) di Kuala Lumpur, Gabenor berkata bahawa pengantarabangsaan kewangan Islam berpotensi untuk menjadikannya satu lagi pengantaraan yang membolehkan aliran kewangan merentas sempadan antara ekonomi di pelosok dunia. Beliau menambah, kewangan Islam sebagai komponen yang semakin penting daripada sistem kewangan antarabangsa, dapat dimanfaatkan untuk memudahkan pengantaraan dana lebihan kepada ekonomi yang menawarkan peluang baharu.

12 November 2010

Pada mesyuarat terakhir bagi tahun 2010, Jawatankuasa Dasar Monetari Bank (MPC) memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 2.75 peratus. MPC berpendapat bahawa paras semasa OPR adalah wajar dan konsisten dengan penilaian terkini prospek pertumbuhan ekonomi dan inflasi. Pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Jawatankuasa turut meluluskan jadual mesyuarat MPC bagi tahun 2011.

15 November 2010

Bank Negara Malaysia mengumumkan pelantikan Puan Nor Shamsiah Mohd Yunus sebagai Timbalan Gabenor untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa pada 16 November 2010. Puan Nor Shamsiah memulakan kerjayanya di Bank pada tahun 1987 dan berpengalaman luas dalam pembentukan pengawalan kehematan, undang-undang, dasar dan garis panduan untuk sektor kewangan.

Sebelum pelantikan beliau, Puan Nor Shamsiah ialah Penolong Gabenor yang bertanggungjawab terhadap penyeliaan institusi kewangan di bawah kawal selia Bank dan juga menyelia Jabatan Pengurusan Risiko Bank Negara Malaysia.

18 November 2010

Dalam ucapan beliau pada Kolokium Svein Gjedrem – "Role of Central Banks in Emerging Economies" – di Oslo, Norway, Gabenor menekankan bahawa Bank Pusat mempunyai peranan penting dalam membendung dan mengurus krisis, khususnya, dalam menyediakan mudah tunai, memastikan pasaran kewangan berfungsi dengan cekap, menerajui program penyelesaian dan mengembalikan keyakinan dalam sistem kewangan. Beliau berkata, sambil Bank Pusat melangkah ke hadapan menempuh masa depan yang begitu tidak menentu, cabaran persekitaran yang baharu ini menuntut keupayaan keinstitusian yang baharu untuk kekal efektif dalam melaksanakan mandat mereka.

22 November 2010

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 5.3% pada suku ketiga tahun 2010, didorong oleh permintaan dalam negeri dalam keadaan permintaan luar negeri yang semakin lembap. Peningkatan permintaan dalam negeri disokong oleh perbelanjaan sektor swasta manakala kelembapan ekonomi global telah menyebabkan permintaan luar negeri menjadi sederhana. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi utama, kecuali perlombongan, terus berkembang pada suku itu pada kadar yang lebih sederhana.

21 Disember 2010

Gabenor, Dr. Zeti telah dianugerahi "Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat" pada Majlis Anugerah Perniagaan & Kewangan Islam Tahunan yang diadakan di Dubai. Anugerah Perniagaan dan Kewangan Islam merupakan salah satu acara yang paling tersohor dalam industri kewangan di rantau Teluk. Majlis tahunan itu dianjurkan untuk menampilkan, menggalakkan dan mengiktiraf prestasi cemerlang dan pertumbuhan perniagaan Islam dan komuniti kewangan. Anugerah itu juga diterima dengan meluas sebagai tanda aras kecemerlangan industri.